کورسوس کفهمن اسلام

Modul KEFAHAMAN ISLAM

03

DUA KALIMAH SYAHADAH:
MEMAHAMI
مُحَمَّدٌ رَسُولُ ٱللَّه

Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan)
Institut Pemikiran Tok Guru Dato Bentara' Setia (IPTG)
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
Institut Latihan Darulnaim (ILDAN)

EDITORIAL
KEFAHAMAN ISLAM

Cetakan Pertama Ramadan 1445h | Mac 2024
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

Hak Cipta Terpelihara: Tidak dibenarkan sesiapa jua mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain **sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.**

Penerbit
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia
Tingkat Bawah, Blok Dewan Negeri, Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu, Kelantan

Penaung
YAB Dato' Panglima Perang
Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Daud

Penyelaras
Unit Latihan Dan Pembinaan Modul
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)


Panel Penyusun
Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat
Siti Nur Amirah Binti Fauzi
Nur Syazana Athirah Binti Izazi

Pereka Grafik & Rekaan Kulit
Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi

ISI KANDUNGAN

Minggu	Tajuk	Muka Surat
1	Rangkap Kedua Syahadah Pengenalan Rasul	2 3
2	Sifat-Sifat Rasul	10
3	Rasul Yang Paling Utama Keutamaan Rasulullah SAW Di Dunia	20 22
4	Kemuliaan Rasulullah SAW di Akhirat	29
5	Syarat beriman dengan Rasulullah مُحَمَّدًا رَّسُوْلُ الله 1. Membenarkan 2. Taat dan melaksanakan setiap perkara yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW	36 36 39
6	3. Menjauhi dan meninggalkan setiap perkara yang ditegah dan dilarang oleh Rasulullah SAW 4. Tidak boleh melakukan sesuatu ibadah (khusus) kecuali mengikut syariat yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW Kewajipan Terhadap Rasulullah SAW 1. Mencintai Rasulullah SAW dengan sepenuh hati	45 48 50 50
7	Tanda-Tanda Mencintai Rasulullah SAW	53
8	Kesan dan Manfaat Mencintai Rasulullah SAW Kewajipan Terhadap Rasulullah SAW 2. Mentaati Rasulullah Tanda-Tanda Mentaati Rasulullah SAW	60 62 64
9	Kesan dan Manfaat Mentaati Rasulullah SAW Kesederhanaan terhadap Rasulullah SAW 1. Rasulullah SAW adalah seorang manusia 2. Rasulullah SAW tidak mengetahui perkara ghaib kecuali perkara yang diwahyukan oleh Allah SWT kepadanya	70 73 76
10	3. Rasulullah SAW tidak dapat memberi manfaat dan menolak mudarat kepada dirinya sendiri mahupun terhadap orang lain 4. Tidak mensifatkan Rasulullah SAW lebih dari yang diberikan oleh Allah SWT 5. Kewafatan Rasulullah SAW seperti wafatnya para nabi terdahulu	80 81 82

MINGGU 01



1.0 Rangkap Kedua Syahadah



Setelah kita mempelajari dan memahami rangkap pertama syahadah iaitu أَشْهَدُ أَنْ لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ, modul ini diteruskan lagi dengan mempelajari dan mendalami rangkap kedua syahadah.

Rangkap kedua syahadah; وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَّسُوْلُ اللهُ - *dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad SAW itu adalah utusan Allah SWT (Rasulullah)* bererti mengakui kerasulan Nabi Muhammad SAW dan menerima segala ajaran baginda kerana baginda adalah utusan Allah SWT kepada manusia.

Bahagian kedua dari kalimah syahadah ini amat penting dan ia merupakan syarat sempurnanya iman dan Islam seseorang. Hal ini kerana keislaman seseorang itu hanya akan diterima apabila dia beriman kepada Rasulullah SAW setelah beriman kepada Allah SWT. Ianya merupakan cara atau kaedah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT yang disampaikan oleh rasulNya.

Bahkan setiap rasul yang datang sebelum perutusan Rasulullah SAW telah diambil perjanjian semasa hidup mereka oleh Allah SWT. Perjanjian tersebut menyebut sekiranya baginda SAW dibangkitkan pada waktu mereka masih hidup maka mereka perlu beriman dengannya dan membantunya. Firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ لَمَآ ءَاتَيْتُكُم مِّن كِتَٰبٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مُّصَدِّقٌ لِّمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِۦ وَلَتَنصُرُنَّهُۥ ۚ قَالَ ءَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ إِصْرِى ۖ قَالُوٓا۟ أَقْرَرْنَا ۚ قَالَ فَٱشْهَدُوا۟ وَأَنَا۠ مَعَكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨١﴾ فَمَن تَوَلَّىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٨٢﴾﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari Nabi-nabi (dengan firmanNya): "Sesungguhnya apa jua Kitab dan Hikmat yang Aku berikan kepada kamu, kemudian datang pula kepada Kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya". Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): "Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima akan ikatan janjiku secara yang demikian itu?" Mereka menjawab: "Kami berikrar (mengakui dan menerimanya)". Allah berfirman lagi: "Jika demikian, maka saksikanlah kamu, dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu."(81) Kemudian sesiapa yang berpaling ingkar sesudah mengakui perjanjian setia itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik(82)* [Ali 'Imran: 81-82]

2.0 Pengenalan Rasul



Terdapat beberapa definisi yang telah dinyatakan oleh para ulama dalam memberi kefahaman tentang Rasul. Antara definisi tersebut menjelaskan bahawa rasul itu adalah **seorang lelaki yang dipilih oleh Allah SWT dari kalangan manusia yang diberi wahyu dan diperintahkan untuk menyampaikan kepada seluruh manusia.** Daripada definisi tersebut, dapat diperincikan kepada beberapa perkara berikut:

1. **Rasul adalah manusia**

Allah SWT telah mengutus para rasulNya dari kalangan manusia. Mereka adalah manusia yang diutus kepada sejenisnya. FirmanNya;

﴿قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Rasulullah): "Sesungguhnya Aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan Dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".* [al-Kahfi : 110]

Sebagai manusia, rasul juga tidak terlepas daripada fitrah kemanusiaan seperti berhajat kepada makan, minum, berkahwin, mempunyai keturunan, berjual beli, bermasyarakat, sakit dan juga mati. Firman Allah SWT:

﴿وَمَآ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ إِلَّآ إِنَّهُمْ لَيَأْكُلُونَ ٱلطَّعَامَ وَيَمْشُونَ فِى ٱلْأَسْوَاقِ ۗ وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ ۗ وَكَانَ رَبُّكَ بَصِيرًا ﴿٢٠﴾﴾

Maksudnya: *Dan Kami tidak mengutus rasul-rasul sebelummu (wahai Rasulullah) melainkan orang-orang yang tentu makan minum dan berjalan di pasar-pasar, dan Kami jadikan sebahagian dari kamu sebagai ujian dan cubaan bagi sebahagian yang lain, supaya ternyata adakah kamu dapat bersabar (menghadapi ujian itu)? Dan (ingatlah) adalah Tuhanmu sentiasa Melihat (akan keadaan makhluk-makhlukNya)* [al-Furqan: 20]

Antara hikmah Allah SWT mengutuskan rasul daripada kalangan manusia agar mereka lebih mudah memahami apa yang disampaikan oleh para Rasul. Di samping itu, supaya mereka berasa selesa untuk bergaul dan dapat mencontohi perbuatan serta amalan para Rasul.

Sekiranya para rasul yang diutuskan bukanlah dari kalangan manusia umpamanya malaikat, maka sudah tentu umat manusia sukar untuk menerima ajaran wahyu yang ingin disampaikan kerana terlalu banyak perbezaan di antara

dua makhluk tersebut. Manusia juga tidak akan dapat mengikuti dan mencontohi malaikat kerana mereka tidak mempunyai fitrah dan kemampuan yang sama.

Justeru, Allah SWT menolak permintaan golongan yang menentang perutusan rasul dari kalangan manusia dan mencadang supaya Allah SWT mengutuskannya dari kalangan Malaikat. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَوۡ جَعَلۡنَٰهُ مَلَكٗا لَّجَعَلۡنَٰهُ رَجُلٗا وَلَلَبَسۡنَا عَلَيۡهِم مَّا يَلۡبِسُونَ٩﴾

Maksudnya: *Dan kalau (Rasul) itu Kami jadikan malaikat, tentulah Kami jadikan dia berupa seorang lelaki (supaya mereka dapat melihatnya), dan tentulah Kami (dengan yang demikian) menyebabkan mereka kesamaran sebagaimana mereka sengaja membuat-buat kesamaran (tentang kebenaran Nabi Muhammad SAW)* [al-An'am: 9]

Selain itu, Allah SWT menegaskan keputusanNya mengutuskan para rasul dari kalangan manusia dengan menyatakan bahawa malaikat tidak mampu untuk hidup di bumi seperti manusia. FirmanNya;

﴿قُل لَّوۡ كَانَ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَلَٰٓئِكَةٞ يَمۡشُونَ مُطۡمَئِنِّينَ لَنَزَّلۡنَا عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَلَكٗا رَّسُولٗا٩٥﴾

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Rasulullah): "Kalau ada di bumi, malaikat yang berjalan serta tinggal mendiaminya, tentulah Kami akan turunkan kepada mereka dari langit, malaikat yang menjadi rasul".* [al-Isra': 95]

2. Rasul adalah lelaki

Semua utusan Allah SWT sama ada nabi mahupun rasul bermula dari Nabi Adam AS sehingga Nabi Muhammad SAW adalah lelaki. Tidak pernah ada seorang pun rasul atau nabi dari kalangan perempuan. Risalah kerasulan adalah *Qiyadah* (kepimpinan) maka tidak sesuai diberikan tanggungjawab yang berat tersebut kepada seorang perempuan. Firman Allah SWT:

﴿وَمَآ أَرۡسَلۡنَا قَبۡلَكَ إِلَّا رِجَالٗا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِمۡۖ فَسۡـَٔلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلذِّكۡرِ إِن كُنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ٧﴾

Maksudnya: *Dan Kami tidak mengutus rasul-rasul sebelummu (wahai Rasulullah) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka*

(bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada AhluzZikri" jika kamu tidak mengetahui [al-Anbiya': 7]

3. Rasul adalah pilihan Allah SWT

Risalah kerasulan dan kenabian adalah anugerah dan pilihan Allah SWT secara mutlak. Ianya tidak dapat dicapai dengan usaha manusia, proses pembelajaran atau warisan dari keturunan. Allah SWT berfirman:

﴿ٱللَّهُ يَصۡطَفِي مِنَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ رُسُلٗا وَمِنَ ٱلنَّاسِۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعُۢ بَصِيرٞ ٧٥﴾

Maksudnya: *Allah memilih utusan-utusanNya dari malaikat dan dari manusia; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui* [al-Hajj: 75]

Risalah kerasulan adalah kurniaan dari Allah SWT kepada orang yang mulia. Allah SWT akan melantik hambaNya yang terpilih dalam kalangan manusia untuk diberikan kemuliaan tersebut sebagai nikmat terbesar dan teragung. Hal ini ditegaskan dalam firmanNya dalam ayat yang lain;

﴿وَإِذَا جَآءَتۡهُمۡ ءَايَةٞ قَالُواْ لَن نُّؤۡمِنَ حَتَّىٰ نُؤۡتَىٰ مِثۡلَ مَآ أُوتِيَ رُسُلُ ٱللَّهِۘ ٱللَّهُ أَعۡلَمُ حَيۡثُ يَجۡعَلُ رِسَالَتَهُۥۗ سَيُصِيبُ ٱلَّذِينَ أَجۡرَمُواْ صَغَارٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعَذَابٞ شَدِيدُۢ بِمَا كَانُواْ يَمۡكُرُونَ ١٢٤﴾

Maksudnya: *Dan apabila datang kepada mereka sesuatu keterangan, mereka berkata: "Kami tidak akan beriman sehingga kami juga diberi (wahyu) sama seperti yang telah diberikan kepada pesuruh-pesuruh Allah". Allah lebih mengetahui di mana (dan kepada siapakah yang sepatutnya) Ia berikan jawatan Rasul (dan wahyu) yang diberikanNya itu. Orang-orang yang melakukan perbuatan yang salah itu akan ditimpa kehinaan di sisi Allah, dan azab seksa yang amat berat, disebabkan perbuatan tipu daya yang mereka lakukan* [al-An'am: 124]

Oleh itu, Allah SWT menegaskan pilihanNya adalah yang terbaik walaupun orang-orang kufur membantah kerasulan tersebut. Hal ini kerana bagi mereka seorang nabi mestilah dilantik daripada kalangan orang yang berpengaruh. Alasan golongan kufur ini ditempelak oleh Allah SWT sepertimana firman berikut:

﴿وَقَالُواْ لَوۡلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانُ عَلَىٰ رَجُلٖ مِّنَ ٱلۡقَرۡيَتَيۡنِ عَظِيمٍ ٣١ أَهُمۡ يَقۡسِمُونَ رَحۡمَتَ رَبِّكَۚ نَحۡنُ قَسَمۡنَا بَيۡنَهُم مَّعِيشَتَهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۚ وَرَفَعۡنَا بَعۡضَهُمۡ فَوۡقَ بَعۡضٖ دَرَجَٰتٖ لِّيَتَّخِذَ بَعۡضُهُم بَعۡضٗا سُخۡرِيّٗاۗ وَرَحۡمَتُ رَبِّكَ خَيۡرٞ مِّمَّا يَجۡمَعُونَ ٣٢﴾

Maksudnya: *Dan (kerana mereka mencemuh Nabi Muhammad) mereka berkata: "(Kalaulah Al-Quran ini menjadi bukti kenabian seseorang, maka) sepatutnya Al-Quran ini diturunkan kepada seorang besar (yang kaya dan berpengaruh) dari salah sebuah dua bandar yang (terkenal) itu?[1]"(31) (Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan (perkara-perkara keruhanian dan keugamaan yang menjadi sebesar-besar) rahmat Tuhanmu (wahai Rasulullah, seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaan sahaja? Mereka tidak ingkarkan): Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini, (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderita); dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan(32)* [al-Zukhruf: 31-32]

Ayat ini menjelaskan pandangan orang-orang musyrikin pada ketika itu yang patut diberi al-Quran bukan Nabi Muhammad tetapi kepada salah seorang daripada tokoh utama iaitu Walid bin Mughirah atau ‘Urwah bin Mas’ud.

4. Rasul diberi wahyu

Perbezaan utama antara nabi dan rasul dengan manusia lain adalah mereka diberikan wahyu oleh Allah SWT. Semua risalah yang disampaikan oleh para rasul kepada umat masing-masing adalah wahyu yang datang dari Allah SWT dan bukannya dari mereka. Firman Allah SWT:

﴿قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۖ فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ١١٠﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu*

[1] Pembesar dari dua bandar terkenal yang dimaksudkan dalam ayat tersebut ialah Walid bin Mughirah dari Mekah dan ‘Urwah bin Mas’ud dari Thaif.

hanyalah Tuhan Yang Satu; Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya" [al-Kahfi: 110]

5. Rasul diperintah menyampaikan apa yang diwahyukan kepadanya

Para rasul diberi tugas yang mulia dan agung iaitu menyampaikan titah perintah Allah SWT kepada umat manusia. Tugas tersebut sangat berat namun mereka melaksanakannya dengan jujur, dedikasi dan sabar dalam semua keadaan. Bukan itu sahaja, mereka turut mengerahkan segala kekuatan yang ada dalam menjalankan tugas tersebut dengan harta, waktu, usaha bahkan nyawa dan segala-galanya.

Para nabi dan rasul menyampaikan semua yang diwahyukan kepada mereka dan tidak ada satu pun yang disembunyikan. Allah SWT berfirman;

﴿۞يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغۡ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَۖ وَإِن لَّمۡ تَفۡعَلۡ فَمَا بَلَّغۡتَ رِسَالَتَهُۥۚ وَٱللَّهُ يَعۡصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ٦٧﴾

Maksudnya: *Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir* [al-Maidah: 67]

Dalam menyampaikan wahyu Allah SWT, mereka tidak berasa gentar mendepani halangan, bimbang tentang keselamatan serta khuatir terhadap keselamatan jiwa, harta dan keluarga. Firman Allah SWT:

﴿ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَٰلَٰتِ ٱللَّهِ وَيَخۡشَوۡنَهُۥ وَلَا يَخۡشَوۡنَ أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا٣٩﴾

Maksudnya: *(Nabi-nabi yang telah lalu itu) ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut melanggar perintahNya, dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah. Dan cukuplah Allah menjadi Penghitung (segala yang dilakukan oleh makhluk-makhlukNya untuk membalas mereka)* [al-Ahzab: 39]

MINGGU 02



3.0 Sifat-sifat Rasul



Para nabi dan rasul adalah perutusan dan penyambung di antara Allah SWT dengan hambaNya. Mereka membawa hidayah, mengajak kepada kebaikan dan melarang keburukan. Tugas besar ini tidak dapat dilakukan kecuali oleh mereka yang mempunyai sifat-sifat yang mulia, istimewa dan paling sempurna dalam kalangan manusia. Antara sifat tersebut adalah:

1. اَلصِّدْقُ - ***al-Sidq*** **(Benar)**

Sifat utama bagi seorang rasul adalah bersifat *al-Sidq* (اَلصِّدْقُ) yang bermaksud benar. Sifat benar ini adalah merangkumi semua perkara termasuklah pengakuan, ucapan, dan perbuatan. Hal ini sepertimana firman Allah SWT:

﴿وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِبۡرَٰهِيمَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقٗا نَّبِيًّا ٤١﴾

Maksudnya: *Dan bacakanlah (wahai Rasulullah) di dalam Kitab (Al-Quran) ini perihal Nabi Ibrahim; sesungguhnya adalah ia seorang yang amat benar, lagi menjadi Nabi* [Maryam: 41]

Para utusan Allah sentiasa benar dan mustahil untuk mereka berbohong. Mereka menyampaikan wahyu yang mengandungi kebenaran dan hidayah dari Allah SWT untuk disampaikan kepada hambaNya. Mustahil sesuatu yang benar disampaikan oleh pendusta. Allah menyatakan dalam FirmanNya:

﴿إِنَّمَا يَفۡتَرِي ٱلۡكَذِبَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡكَٰذِبُونَ ١٠٥﴾

Maksudnya: *Sebenarnya yang tergamak berdusta itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itu ialah orang-orang yang bertabiat berdusta* [al-Nahl: 105]

Selain itu, sekiranya mereka berbohong sudah pasti terdapat percanggahan tentang perkara yang disampaikan mereka dengan wahyu yang diturunkan. Jika demikian masyarakat tidak akan percaya kepada mereka lagi dan menyebabkan risalah yang dibawa akan ditolak. Allah SWT menegaskan dalam firmanNya:

﴿وَلَوۡ تَقَوَّلَ عَلَيۡنَا بَعۡضَ ٱلۡأَقَاوِيلِ ٤٤ لَأَخَذۡنَا مِنۡهُ بِٱلۡيَمِينِ ٤٥ ثُمَّ لَقَطَعۡنَا مِنۡهُ ٱلۡوَتِينَ ٤٦ فَمَا مِنكُم مِّنۡ أَحَدٍ عَنۡهُ حَٰجِزِينَ ٤٧﴾

Maksudnya: *Dan kalaulah (Nabi Muhammad yang menyampaikan Al-Quran itu) mengatakan atas nama Kami secara dusta - sebarang kata-kata rekaan,(44) Sudah tentu Kami akan menyentapnya, dengan kekuasaan Kami,(45) Kemudian sudah tentu Kami akan memutuskan tali jantungnya (supaya ia mati dengan serta-merta);(46) Maka tidak ada seorang pun di antara kamu yang dapat menghalang (tindakan Kami itu) daripada menimpanya* [al-Haqqah: 44-47]

Justeru, mereka yang menolak seruan dakwah dan peringatan dari para nabi dan rasul adalah golongan yang sesat. Mereka akan menyesali perbuatan mereka semasa di dunia tersebut apabila dibangkitkan di akhirat kelak. Firman Allah SWT:

﴿قَالُواْ يَٰوَيۡلَنَا مَنۢ بَعَثَنَا مِن مَّرۡقَدِنَاۜ هَٰذَا مَا وَعَدَ ٱلرَّحۡمَٰنُ وَصَدَقَ ٱلۡمُرۡسَلُونَ ٥٢﴾

Maksudnya: *(Pada ketika itu) orang-orang yang tidak percayakan hidup semula berkata: Aduhai celakanya kami! Siapakah yang membangkitkan kami dari kubur tempat tidur kami? (Lalu dikatakan kepada mereka): "Inilah dia yang telah dijanjikan oleh Allah Yang Maha Pemurah dan benarlah berita yang disampaikan oleh rasul-rasul!* [Yasiin: 52]

Rasulullah SAW menekankan sifat benar dalam kehidupan umatnya. Baginda SAW memerintahkan supaya umatnya bersifat benar dalam semua keadaan seperti pengakuan, ucapan, dan perbuatan. Baginda SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
"إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدِّيقًا، وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَّابًا".

Maksudnya: *Daripada Abdullah bin Mas'ud RA, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda: "Sesungguhnya kejujuran itu membawa kepada kebaikan, dan kebaikan itu membawa kepada syurga. Dan seseorang sentiasa bercakap benar sehingga dia dicatat di sisi Allah sebagai seorang yang benar (ṣiddīq). Dan sesungguhnya dusta membawa kepada kejahatan, dan kejahatan itu membawa kepada neraka. Dan seseorang sentiasa berdusta sehingga dia dicatat di sisi Allah sebagai seorang pendusta."*

(Riwayat al-Bukhari (6094) & Muslim (2607))

2. اَلأَمَانَةُ - *al-Amanah* (Dipercayai)

Perkataan *al-Amanah* berasal dari bahasa arab yang bererti dapat dipercayai. Ianya merupakan antara sifat utama yang dimiliki oleh para rasul dalam melaksanakan tugas menyampaikan risalah wahyu. Hal ini dapat dilihat dari pengakuan para nabi terhadap sifat amanah mereka dalam menyebarkan wahyu. Firman Allah SWT:

﴿إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٠٧﴾﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya aku ini ialah Rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu* [al-Syuara': 107][2]

Setiap perkataan, perbuatan mahupun pengakuan yang ditunjukkan oleh para rasul sudah pasti dapat dipercayai. Hal ini kerana mereka membawa risalah tauhid yang sama bermula dari Nabi Adam AS sehingga Rasulullah SAW dengan penuh amanah tanpa menambah atau mengurangkannya walaupun sedikit. FirmanNya:

﴿أُبَلِّغُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّي وَأَنَا۠ لَكُمْ **نَاصِحٌ أَمِينٌ** ﴿٦٨﴾﴾

Maksudnya: *"(Tugasku) menyampaikan kepada kamu akan perintah-perintah (yang diutuskan oleh) Tuhanku, dan **aku adalah pemberi nasihat yang amanah, bagi kamu*** [al-A'raf: 68]

Oleh itu, mustahil bagi para nabi dan rasul khianat terhadap tugasan menyampaikan wahyu. Jika mereka bersifat demikian sudah tentulah terdapat percanggahan dalam risalah wahyu yang disampaikan. Sehubungan itu, Rasulullah SAW tetap menyampaikan semua wahyu yang diturunkan kepadanya walaupun ada ayat-ayat yang disampaikan menyentuh hal peribadi baginda SAW seperti Allah SWT menegur baginda SAW ketika didatangi Abdullah ibnu Al-Makhtum dalam Surah Abasa. Firman Allah SWT:

[2] Sepertimana dirakamkan dalam Surah al-Syuara'; antara nabi dan rasul tersebut adalah Nabi Nuh AS (ayat 107), Hud AS (ayat 125), Soleh AS (ayat 143), Luth AS (ayat 162) dan Syu'aib AS (ayat 178).

﴿عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ۝١ أَن جَآءَهُ ٱلۡأَعۡمَىٰ ۝٢ وَمَا يُدۡرِيكَ لَعَلَّهُۥ يَزَّكَّىٰٓ ۝٣ أَوۡ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكۡرَىٰٓ ۝٤﴾

Maksudnya*: Ia memasamkan muka dan berpaling(1) kerana ia didatangi orang buta(2) Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, wahai Muhammad) ? Barangkali ia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran ugama yang didapatinya daripadamu)!(3) Ataupun ia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya(4)*

[Abasa: 1-4]

Begitu juga teguran Allah SWT terhadap baginda SAW di awal surah At-Tahrim iaitu:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَۖ تَبۡتَغِي مَرۡضَاتَ أَزۡوَٰجِكَۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ۝١﴾

Maksudnya: *Wahai Nabi! Mengapa engkau haramkan (dengan bersumpah menyekat dirimu daripada menikmati) apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu, (kerana) engkau hendak mencari keredaan isteri-isterimu? (Dalam pada itu, Allah ampunkan kesilapanmu itu) dan Allah sememangnya Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani* [At-Tahrim: 1]

Di samping itu, Rasulullah memberi ancaman terhadap sesiapa yang bersikap mengkhianati amanah sepertimana sabda baginda SAW:

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ

Maksudnya: *"Tidak ada iman bagi orang yang tidak memiliki (sifat) amanah, dan tidak ada agama bagi orang yang tidak menepati janjinya."* (Riwayat Baihaqi)

3. اَلتَّبْلِيغُ - *al-Tabligh* (Menyampaikan)

Tabligh adalah perkataan bahasa Arab yang bererti menyampaikan. Para rasul ditugaskan untuk menyampaikan wahyu Allah SWT kepada manusia bertujuan untuk diimani dan difahami serta dijadikan sebagai panduan hidup. Inilah tujuan utama pengutusan rasul; jika mereka tidak menyampaikan ajaran wahyu maka tiada ertilah mereka diutuskan. Allah SWT berfirman:

﴿۞يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغۡ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَۖ وَإِن لَّمۡ تَفۡعَلۡ فَمَا بَلَّغۡتَ رِسَالَتَهُۥۚ وَٱللَّهُ يَعۡصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٦٧﴾

Maksudnya: *Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir* [al-Maidah: 67]

Para nabi dan rasul menyampaikan risalah dengan penuh komited dan dedikasi. Mereka menyampaikan keseluruhan wahyu kepada umatnya tanpa meninggalkan atau menyembunyikan walaupun satu ayat. Jika mereka tidak menyampaikan kebenaran risalah nescaya umat manusia terus berada di dalam kesesatan. Firman Allah SWT:

﴿**أُبَلِّغُكُمۡ رِسَٰلَٰتِ رَبِّي** وَأَنَا۠ لَكُمۡ نَاصِحٌ أَمِينٌ ٦٨﴾

Maksudnya: ***"(Tugasku) menyampaikan kepada kamu akan perintah-perintah (yang diutuskan oleh) Tuhanku****, dan aku adalah pemberi nasihat yang amanah, bagi kamu* [al-A'raf: 68]

Justeru, tugas para rasul hanyalah menyampaikan dan menyeru umat manusia kepada kebenaran wahyu dari Allah SWT semampu mungkin. Jika umat mereka menolak atau berpaling daripada seruan tersebut maka hal itu adalah di luar kemampuan mereka sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَٱحۡذَرُواْۚ فَإِن تَوَلَّيۡتُمۡ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ٩٢﴾

Maksudnya: *Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasulullah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan RasulNya). Oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut apa yang diperintahkan itu), maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata* [al-Maidah: 92]

4. اَلْفَطَانَةُ - *al- Fatanah* (Bijaksana)

Rasul-rasul adalah golongan yang sangat cerdik dan pintar, memiliki keilmuan yang tinggi, cepat memahami sesuatu perkara, mempunyai hujah yang kuat dan fikiran yang benar. Hal ini kerana mereka berperanan untuk mendidik ummah, menjelaskan kekeliruan dalam semua perkara, menegakkan kebenaran dengan berhujah dan memberi bukti yang jelas. Firman Allah SWT:

﴿ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٢٥﴾

Maksudnya: *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Rasulullah) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk* [al-Nahl: 125]

Sehubungan itu, mustahil bagi mereka bersifat bodoh apalagi dungu. Jika para rasul tidak bersifat *fatanah* sudah tentu mereka tidak dapat melaksanakan tugas menyampaikan risalah yang berat, mendidik ummah dengan penuh hikmah dan dapat mematahkan hujah-hujah para musuh mereka sepertimana firman Allah SWT:

﴿أَلَمۡ تَرَ إِلَى ٱلَّذِي حَآجَّ إِبۡرَٰهِـۧمَ فِي رَبِّهِۦٓ أَنۡ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ٱلۡمُلۡكَ إِذۡ قَالَ إِبۡرَٰهِـۧمُ رَبِّيَ ٱلَّذِي يُحۡيِۦ وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا۠ أُحۡيِۦ وَأُمِيتُۖ قَالَ إِبۡرَٰهِـۧمُ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَأۡتِي بِٱلشَّمۡسِ مِنَ ٱلۡمَشۡرِقِ فَأۡتِ بِهَا مِنَ ٱلۡمَغۡرِبِ فَبُهِتَ ٱلَّذِي كَفَرَۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٢٥٨﴾

Maksudnya: *Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Rasulullah) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrahim berkata: "Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan Yang mematikan". Ia menjawab: "Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan". Nabi Ibrahim berkata lagi: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat?" Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim* [al-Baqarah: 258]

Oleh itu, golongan yang menolak seruan dakwah para rasul tidak dapat mempersoalkan nasib mereka yang dihumban ke neraka. Hal ini kerana Allah SWT telah mengutuskan para rasul yang telah menegakkan kebenaran dengan hujah dan memberi peringatan semasa di dunia. Firman Allah SWT:

﴿رُّسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةٌۢ بَعْدَ ٱلرُّسُلِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ١٦٥﴾

Maksudnya: *Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan Rasul-rasul itu. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana* [al-Nisa': 165]

Justeru, kisah para rasul dengan umat masing-masing yang tercatat di dalam al-Quran jelas menunjukkan bahawa mereka adalah golongan yang sangat pintar, memiliki akal yang sempurna serta kebijaksanaan yang tinggi dan mulia dalam menyebarkan agama Allah SWT.

5. اَلْعِصْمَةُ - *al-'Ismah* (Terpelihara)

'Ismah bermaksud para nabi dan rasul terpelihara daripada melakukan dosa dan kesalahan. Selain itu, *'Ismah* juga membawa maksud tidak meninggalkan yang wajib, tidak melakukan perbuatan haram dan tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan akhlak yang mulia. Hal ini kerana mereka merupakan contoh dan teladan yang terbaik bagi umat masing-masing dalam seluruh aspek kehidupan. Firman Allah SWT:

﴿۞يَٰٓأَيُّهَا ٱلرَّسُولُ بَلِّغْ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَۖ وَإِن لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُۥۚ **وَٱللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ ٱلنَّاسِۗ** إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْكَٰفِرِينَ ٦٧﴾

Maksudnya: *Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya;* ***dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahatan) manusia.*** *Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir(67)* [al-Maidah: 67]

6. مَكَارِمُ الأَخْلاَقُ **-** ***Makarim al-Akhlaq*** **(Kemuliaan Akhlak)**

Para nabi dan rasul mempunyai sifat dan akhlak yang mulia seperti pemurah, adil, berani, sabar, menjaga kehormatan, lemah lembut, pemalu dan semua sifat-sifat yang terpuji. Allah SWT telah mencatat sifat tersebut dalam firmanNya:

﴿وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ۝٤﴾

Maksudnya: *Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia* [al-Qalam: 4]

Mereka tidak pernah bakhil, penakut atau pengecut, melakukan maksiat, khianat, dengki, hasad dan sifat buruk yang lainnya. Sebaliknya mereka adalah orang yang memiliki sifat yang mulia dan terhormat. Hal ini supaya keperibadian mereka dapat dicontohi dan menarik minat masyarakat untuk mengikuti ajaran wahyu yang dibawa.


7. اَلْكَمَالُ فِي الْخَالِقَةُ الظَّاهِرَةِ وَالسَّلاَمَةِ مِنَ الْأَمْرَاضِ الْمُنَفِرَةِ **-** ***Al- Kamal fi al-Khaliqah al-Zahirah wa al-Salamah min al-Amrad al-Munafirah*** **(Fizikal yang sempurna dan tidak berpenyakit yang menakutkan orang)**

Setelah beriman bahawa para rasul dan nabi memiliki lima sifat yang utama iaitu *al-Sidq*, *al-Amanah*, *al-Tabligh*, *al-Fatanah* dan *al-'Ismah*. Begitu juga wajib beriman bahawa mereka mempunyai sifat fizikal yang baik dan sempurna, tidak ditimpa atau menghidap penyakit yang mengganggu dan menakutkan manusia sehingga mereka tidak boleh didekati seperti sopak, kusta, gila, penyakit berjangkit dan sebagainya.

Jika para nabi dan rasul bersifat tidak sempurna dan berpenyakit, maka ia akan mengganggu tugas mereka untuk menyampaikan risalah wahyu yang diturunkan kepada mereka. Adapun sakit-sakit biasa seperti demam, selesema dan seumpamanya mungkin berlaku dalam hidup mereka kerana ianya tidak menghalang mereka untuk menyampaikan risalah.

MINGGU 03

MINGGU 03



4.0 Rasul Yang Paling Utama



Allah SWT telah memilih Nabi Muhammad SAW dari kalangan nabi dan rasul yang diutusNya. Baginda SAW telah diberi keistimewaan yang sangat tinggi dan kemuliaan yang tidak pernah diberikan kepada mana-mana nabi dan rasul sebelumnya. Hal tersebut menggambarkan betapa tinggi dan besarnya kedudukan baginda SAW disisi Allah SWT.

Antara kemuliaan dan ketinggian kedudukan junjungan besar Rasulullah SAW di sisi Allah SWT berbanding para nabi dan rasul yang lain adalah:

1. **Allah SWT telah menyebut dan mengangkat kedudukan baginda SAW di tempat tertinggi dan mulia berbanding semua makhlukNya.**
   Hal ini sepertimana firman Allah SWT kepada baginda SAW:

   ﴿وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ۝٤﴾

   Maksudnya: *Dan Kami telah meninggikan bagimu: sebutan namamu (dengan mengurniakan pangkat Nabi dan berbagai kemuliaan)* [al-Syarh: 4]

2. **Allah SWT telah mengikat perjanjian dengan semua para nabi dan rasul untuk mengakui Rasulullah SAW sebagai pelengkap segala risalah sebelumnya.** Firman Allah SWT:

﴿وَإِذۡ أَخَذَ ٱللَّهُ مِيثَٰقَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ لَمَآ ءَاتَيۡتُكُم مِّن كِتَٰبٖ وَحِكۡمَةٖ ثُمَّ جَآءَكُمۡ رَسُولٞ مُّصَدِّقٞ لِّمَا مَعَكُمۡ لَتُؤۡمِنُنَّ بِهِۦ وَلَتَنصُرُنَّهُۥۚ قَالَ ءَأَقۡرَرۡتُمۡ وَأَخَذۡتُمۡ عَلَىٰ ذَٰلِكُمۡ إِصۡرِيۖ قَالُوٓاْ أَقۡرَرۡنَاۚ قَالَ فَٱشۡهَدُواْ وَأَنَا۠ مَعَكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ٨١﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari Nabi-nabi (dengan firmanNya): "Sesungguhnya apa jua Kitab dan Hikmat yang Aku berikan kepada kamu, kemudian datang pula kepada kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya". Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): "Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima akan ikatan janjiku secara yang demikian itu?" Mereka menjawab: "Kami berikrar (mengakui dan menerimanya)". Allah berfirman lagi: "Jika demikian, maka saksikanlah kamu, dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu."* [Ali ‘Imran: 81]

3. **Rasulullah SAW diberi penghormatan untuk mengimamkan solat yang diikuti oleh seluruh para nabi dan malaikat.**

Peristiwa ini berlaku pada malam Israk dan Mikraj di Masjidil Aqsa, Baitul Maqdis. [3]

4. **Rasulullah SAW adalah Imam bagi para rasul dan seluruh manusia di akhirat kelak.**

Sabda baginda SAW:

إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ كُنْتُ إِمَامَ النَّبِيِّينَ وَخَطِيبَهُمْ وَصَاحِبَ شَفَاعَتِهِمْ غَيْرَ فَخْرٍ

Maksudnya: *Apabila hari kiamat, akulah Imam kepada semua para nabi, jurucakap mereka dan pemberi syafaat; tidaklah aku (berkata demikian) untuk berbangga (tiada perasaan megah atau sombong).* (Riwayat Ibn Majah, No. 4314)

[3] Abu Fida’ ‘Imad al-Din Ibn Kathir. *Safwah al-Sirah al-Nabawiyyah*, Kaherah: Wizarah al-Awqaf Jumhuriyah Misr al-‘Arabiyah. 2007

5. **Rasulullah SAW adalah orang paling utama di sisi Allah dan penghulu bagi sekalian manusia.**

Baginda SAW diberikan banyak keistimewaan di akhirat. Hal ini sebagaimana sabdanya:

أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ وَلاَ فَخْرَ وَأَنَا أَوَّلُ مَنْ تَنْشَقُّ الأَرْضُ عَنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلاَ فَخْرَ وَأَنَا أَوَّلُ شَافِعٍ وَأَوَّلُ مُشَفَّعٍ وَلاَ فَخْرَ وَلِوَاءُ الْحَمْدِ بِيَدِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلاَ فَخْرَ

Maksudnya: *Aku adalah penghulu bagi sekalian anak Adam dan aku tidak bermegah. Aku adalah orang pertama membelah bumi (dibangkitkan) pada hari kiamat dan aku tidak bermegah. Aku adalah orang pertama yang memberi syafaat serta orang pertama yang diberi hak untuk memberikan syafaat dan aku tidak bermegah. Aku mempunyai Liwa' al-Hamd (bendera kepujian) pada hari kiamat dan aku tidak bermegah.* (Riwayat Ibn Majah, No. 4308)

5.0 Keutamaan Rasulullah SAW di Dunia



Antara kelebihan Rasulullah SAW adalah namanya sentiasa disebut secara beriringan selepas nama Allah SWT di dalam ayat-ayat al-Quran. Hal ini jelas menunjukkan keutamaan baginda di sisi Allah SWT khususnya ketika di dunia. Antara ayat al-Quran yang menyatakan mencatatkan perkara berikut adalah:

1. **Iman**

   Allah SWT menggandingkan keimanan terhadapNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

   ﴿**ءَامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ** وَأَنفِقُواْ مِمَّا جَعَلَكُم مُّسۡتَخۡلَفِينَ فِيهِۖ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡ وَأَنفَقُواْ لَهُمۡ أَجۡرٞ كَبِيرٞ ٧﴾

   Maksudnya: ***Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya****, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar* [al-Hadid: 7]

2. **Taat**

   Allah SWT menggandingkan ketaatan kepadaNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

   ﴿وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ١٣٢﴾

   Maksudnya: *Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, supaya kamu diberi rahmat.* [Ali ‘Imran: 132]

3. **Cinta**

   Allah SWT menggandingkan cinta kepadaNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

   ﴿قُلۡ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمۡ وَأَبۡنَآؤُكُمۡ وَإِخۡوَٰنُكُمۡ وَأَزۡوَٰجُكُمۡ وَعَشِيرَتُكُمۡ وَأَمۡوَٰلٌ ٱقۡتَرَفۡتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٞ تَخۡشَوۡنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرۡضَوۡنَهَآ **أَحَبَّ إِلَيۡكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ** وَجِهَادٖ فِي سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُواْ حَتَّىٰ يَأۡتِيَ ٱللَّهُ بِأَمۡرِهِۦۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٢٤﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang **kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya** dan (daripada) berjihad untuk ugamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)* [al-Taubah: 24]

4. Adab

Allah SWT menggandingkan adab terhadapNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ **لَا تُقَدِّمُواْ بَيۡنَ يَدَيِ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ** وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٞ ١﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! **Janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan RasulNya;** dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui* [al-Hujurat: 1]

5. Reda

Allah SWT menggandingkan keredaanNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

﴿يَحۡلِفُونَ بِٱللَّهِ لَكُمۡ **لِيُرۡضُوكُمۡ وَٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ** أَحَقُّ أَن يُرۡضُوهُ إِن كَانُواْ مُؤۡمِنِينَ ٦٢﴾

Maksudnya: *Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredaan kamu, padahal Allah dan RasulNya jualah yang lebih berhak mereka mendapat keredaanNya, jika betul mereka orang-orang yang beriman* [al-Taubah: 62]

6. Pertolongan

Allah SWT menggandingkan pertolongan kepadaNya dan Rasulullah SAW (menolong agama Islam). FirmanNya:

﴿لِلۡفُقَرَآءِ ٱلۡمُهَٰجِرِينَ ٱلَّذِينَ أُخۡرِجُواْ مِن دِيَٰرِهِمۡ وَأَمۡوَٰلِهِمۡ يَبۡتَغُونَ فَضۡلٗا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضۡوَٰنٗا **وَيَنصُرُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓۚ** أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ٨﴾

Maksudnya: *(Pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah, yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam), untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaanNya**, serta menolong (ugama) Allah dan RasulNya**; mereka itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya)* [al-Hasyr: 8]

7. Hijrah

Allah SWT menggandingkan hijrah kepadaNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

﴿۞وَمَن يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يَجِدْ فِي ٱلْأَرْضِ مُرَٰغَمًا كَثِيرًا وَسَعَةً ۚ **وَمَن يَخْرُجْ مِنۢ بَيْتِهِۦ مُهَاجِرًا إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ** ثُمَّ يُدْرِكْهُ ٱلْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُۥ عَلَى ٱللَّهِ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ١٠٠﴾

Maksudnya: *Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; **dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya,** kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani* [al-Nisa': 100]

8. Ketentuan dan Hukum

Allah SWT menggandingkan ketentuan dan hukumNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

﴿إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ **إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ** أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ٥١﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman **ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka**, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat": dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan* [al-Nur: 51]

9. Larangan melakukan maksiat

Allah SWT menggandingkan larangan supaya tidak melakukan maksiat terhadapNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

﴿وَمَا كَانَ لِمُؤۡمِنٖ وَلَا مُؤۡمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمۡرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلۡخِيَرَةُ مِنۡ أَمۡرِهِمۡۗ **وَمَن يَعۡصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ** فَقَدۡ ضَلَّ ضَلَٰلٗا مُّبِينٗا ٣٦﴾

Maksudnya: *Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka.* ***Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya*** *maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata* [al-Ahzab: 36]

10. Larangan menentang Allah SWT dan Rasulullah SAW

Allah SWT menggandingkan larangan agar tidak menentangNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

﴿ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ **شَآقُّواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥۚ** وَمَن يُشَاقِقِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ١٣﴾

Maksudnya: *(Perintah) yang demikian ialah kerana sesungguhnya* ***mereka menentang Allah dan RasulNya****; dan sesiapa yang menentang Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya* [al-Anfal: 13]

11. Larangan melampaui batas terhadap Allah SWT dan Rasulullah SAW

Allah SWT menggandingkan larangan supaya tidak melampaui batas yang ditetapkanNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

﴿إِنَّ **ٱلَّذِينَ يُحَآدُّونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ** كُبِتُواْ كَمَا كُبِتَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۚ وَقَدۡ أَنزَلۡنَآ ءَايَٰتِۭ بَيِّنَٰتٖۚ وَلِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٞ مُّهِينٞ ٥﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya* ***orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya,*** *mereka tetap ditimpa kehinaan sebagaimana orang-orang yang terdahulu dari mereka ditimpa kehinaan; kerana sesungguhnya Kami telah menurunkan keterangan-keterangan yang jelas nyata. Dan bagi orang-orang yang kafir disediakan azab seksa yang menghina* [al-Mujadilah: 5]

12. Larangan menyakiti Allah SWT dan Rasulullah SAW

Allah SWT menggandingkan larangan supaya tidak menyakitiNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

﴿إِنَّ **ٱلَّذِينَ يُؤۡذُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ** لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمۡ عَذَابٗا مُّهِينٗا ٥٧﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya **orang-orang yang melakukan perkara yang tidak diredai Allah dan RasulNya,** Allah melaknatkan mereka di dunia dan di akhirat, dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghina* [al-Ahzab: 57]

13. Allah SWT dan Rasulullah SAW mengancam untuk memerangi pemakan riba

Allah SWT mengancam orang yang masih melakukan amalan riba akan diperangi olehNya dan Rasulullah SAW. FirmanNya:

﴿فَإِن لَّمۡ تَفۡعَلُواْ **فَأۡذَنُواْ بِحَرۡبٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ** وَإِن تُبۡتُمۡ فَلَكُمۡ رُءُوسُ أَمۡوَٰلِكُمۡ لَا تَظۡلِمُونَ وَلَا تُظۡلَمُونَ ٢٧٩﴾

Maksudnya: *Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: **akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya,** (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa* [al-Baqarah: 279]

MINGGU 04



6.0 Kemuliaan Rasulullah SAW di Akhirat



Allah SWT telah memilih dan menganugerahkan kepada Rasulullah SAW kelebihan yang utama serta kemuliaan di akhirat. Ia merupakan anugerah yang besar serta menandakan pilihan Allah SWT kepada baginda. Kelebihan baginda SAW ini merupakan tanda kesempurnaan nikmat di akhirat. Antaranya:

1. **Penyaksian (*al-Syahadah*)**

   Rasulullah SAW dan umatnya akan menjadi saksi kepada umatnya dan umat-umatnya yang terdahulu. Baginda merupakan salah satu daripada pihak yang akan menjadi saksi kepada umatnya di akhirat nanti[4]. Firman Allah SWT:

   ﴿فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍۭ بِشَهِيدٍ وَجِئْنَا بِكَ عَلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ شَهِيدًا ﴿٤١﴾﴾

   Maksudnya: *Maka bagaimanakah (keadaan orang-orang kafir pada hari akhirat kelak), apabila Kami datangkan dari tiap-tiap umat seorang saksi (iaitu Rasul mereka sendiri menjadi saksi terhadap perbuatan mereka), dan Kami juga datangkan engkau (wahai Rasulullah) sebagai saksi terhadap umatmu ini?* [al-Nisa': 41]

   Ayat tersebut menerangkan bahawa setiap rasul akan dibawa untuk menjadi saksi kepada umat mereka dan Rasulullah SAW juga akan dipanggil

[4] Saksi-saksi yang akan memberi penyaksian terhadap setiap orang adalah; Allah, Malaikat, Rasulullah, tubuh badan dan anggota manusia, bumi di mana setiap orang berada, waktu malam dan siang.

untuk menjadi saksi kepada umatnya. Rasulullah SAW dan umat baginda akan menjadi saksi terhadap umat-umat terdahulu yang menafikan bahawa rasul-rasul tidak diutus kepada mereka atau rasul itu tidak menyampaikan wahyu kepada mereka sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah. Hal ini dinyatakan dalam sabda Rasulullah SAW:

يُدْعَى نُوحٌ يَوْمَ القِيَامَةِ، فَيَقُولُ: لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ يَا رَبِّ، فَيَقُولُ: هَلْ بَلَّغْتَ؟ فَيَقُولُ: نَعَمْ، فَيُقَالُ لِأُمَّتِهِ: هَلْ بَلَّغَكُمْ؟ فَيَقُولُونَ: مَا أَتَانَا مِنْ نَذِيرٍ، فَيَقُولُ: مَنْ يَشْهَدُ لَكَ؟ فَيَقُولُ: مُحَمَّدٌ وَأُمَّتُهُ، فَتَشْهَدُونَ أَنَّهُ قَدْ بَلَّغَ {وَيَكونَ الرَّسُولُ علَيْكُمْ شَهِيدًا}

Maksudnya: *"Pada hari kiamat, Nabi Nuh dipanggil oleh Allah. Lalu baginda mengucapkan, "Aku memenuhi panggilanMu wahai Tuhanku". Kemudian Allah bertanya kepada nabi Nuh, "Apakah kamu telah menyampaikan risalah?" nabi Nuh menjawab, "Ya". Lalu ditanyakan kepada kaumnya, "Apakah Nuh telah menyampaikan risalah kepada kalian?" Mereka menjawab, "tidak ada siapa pun yang datang memberi peringatan!" Maka Allah pun bertanya kepada Nabi Nuh, "Siapakah yang dapat menjadi saksi untukmu?". Nabi Nuh menjawab, "Muhammad dan umatnya". Maka mereka semua (Rasulullah dan umatnya) bersaksi bahawa Nabi Nuh telah menyampaikan risalahnya. {dan Rasulullah (Nabi Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu}. Surah al-Baqarah: 143"* (Riwayat Bukhari, No. 4487)

Jawapan ini berdasarkan firman Allah:

﴿وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا جَعَلْنَا ٱلْقِبْلَةَ ٱلَّتِى كُنتَ عَلَيْهَآ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يَتَّبِعُ ٱلرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ ۚ وَإِن كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَٰنَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤٣﴾﴾

Maksudnya: ***Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah****) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada*

kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman)(143) [Al-Baqara: 143]

2. **Kedudukan yang Terpuji (*al-Maqam al-Mahmud*).** Firman Allah SWT;

﴿وَمِنَ ٱلَّيۡلِ فَتَهَجَّدۡ بِهِۦ نَافِلَةٗ لَّكَ عَسَىٰٓ أَن يَبۡعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامٗا مَّحۡمُودٗا٧٩﴾

Maksudnya: *Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah "sembahyang tahajjud" padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu; semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji* [al-Isra': 79]

Ayat di atas menerangkan *al-Maqam al-Mahmud* atau *al-Maqam al-'Uzma* iaitu kedudukan khusus Rasulullah SAW untuk memberi syafaat kepada seluruh manusia yang berada di padang Mahsyar. Manusia pada hari tersebut meminta pertolongan daripada para nabi dan rasul untuk menyegerakan dan menyelesaikan perbicaraan mereka supaya mereka diberikan keputusan dan hukuman setelah sekian lama sengsara berada di padang Mahsyar.

Namun, para nabi dan rasul tidak mampu untuk membantu mereka. Hanya baginda SAW yang sanggup dan mampu memberi syafaat khusus yang agung (syafaat *al-'Uzma*) kepada seluruh manusia yang berada di padang Mahsyar pada hari tersebut. Rasulullah SAW bermunajat dan memohon kepada Allah SWT untuk mempercepatkan sesi pengadilan dan perbicaraan. Allah SWT memperkenankan permohonan baginda SAW dan sesi perbicaraan manusia dimulakan. Syafaat khusus inilah yang disebut sebagai *al-Maqam al-Mahmud*.

Oleh itu, Rasulullah SAW menganjurkan umatnya memohon kepada Allah SWT untuk membangkitkan baginda pada *al-Maqam al-Mahmud* di akhirat nanti. Sesiapa yang mengamalkan doa ini akan mendapat syafaat sebagaimana yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW. Doa ini diajarkan baginda SAW untuk berdoa sejurus setiap kali selesai azan; sabdanya:

مَنْ قَالَ حِينَ يَسْمَعُ النِّدَاءَ اللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلاَةِ الْقَائِمَةِ آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ الْمَقَامَ الْمَحْمُودَ الَّذِي وَعَدْتَهُ إِلاَّ حَلَّتْ لَهُ شَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: *Sesiapa yang mengucapkan (berdoa) setelah selesai seruan azan; "Ya Allah, tuhan yang mensyariatkan seruan yang sempurna dan solat yang didirikan, kurniakanlah kepada Nabi Muhammad SAW al-Wasilah dan segala kelebihan serta bangkitkanlah baginda pada al-Maqam al-Mahmud sepertimana yang Engkau janjikan". Maka dia akan mendapat syafaatku pada hari kiamat."* (Riwayat Nasa'ie, No. 680)

3. Kedudukan tertinggi di syurga - الْوَسِيلَةَ (*al-Wasilah*)

Al-Wasilah dari segi bahasa bermaksud sesuatu cara atau jalan yang dapat menyampaikan kepada sesuatu tujuan yang baik. Adapun *al-Wasilah* yang dimaksudkan dalam perbincangan ini adalah khusus untuk Rasulullah SAW; iaitu suatu tempat dan kedudukan yang paling tinggi di dalam syurga.

Rasulullah SAW telah meminta umatnya supaya mereka memohon dan berdoa kepada Allah SWT supaya mengurniakan *al-Wasilah* kepada baginda agar mendapat ganjaran yang besar dan limpah kurnia Allah SWT yang agung. Sabda Rasulullah SAW:

إِذَا سَمِعْتُمُ الْمُؤَذِّنَ فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ ثُمَّ صَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّهُ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا ثُمَّ سَلُوا اللَّهَ لِيَ الْوَسِيلَةَ فَإِنَّهَا مَنْزِلَةٌ فِي الْجَنَّةِ لَا تَنْبَغِي إِلَّا لِعَبْدٍ مِنْ عِبَادِ اللَّهِ وَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ أَنَا هُوَ فَمَنْ سَأَلَ لِيَ الْوَسِيلَةَ حَلَّتْ عَلَيْهِ الشَّفَاعَةُ.

Maksudnya: *Apabila kamu mendengar muazin (orang melaungkan azan), maka ucaplah (secara perlahan) sebagaimana ucapannya. Kemudian, berselawatlah untukku. Sesiapa yang berselawat untukku sekali, Allah akan berselawat (mengampuni) untuknya sepuluh kali. Kemudian, pohonlah kepada Allah al-Wasilah untukku; sesungguhnya ia adalah suatu tempat di dalam syurga yang tidak dapat dicapai oleh sesiapa pun kecuali seorang daripada hamba Allah. Aku berharap akulah orang (hamba) tersebut. Sesiapa yang memohon untuku al-Wasilah, pasti dia akan mendapat syafaatku.* (Riwayat Muslim, No. 384)

Hadis di atas menjelaskan cara menjawab azan dan amalan yang perlu dilakukan selepasnya; iaitu menjawab azan dengan baik, berselawat ke atas Rasulullah SAW dan seterusnya berdoa seperti doa di atas.

4. **Panji Rasulullah SAW; *Liwa' al-Hamd* (bendera pujian).** Sabda Baginda SAW;

أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلاَ فَخْرَ وَبِيَدِي لِوَاءُ الْحَمْدِ وَلاَ فَخْرَ وَمَا مِنْ نَبِيٍّ يَوْمَئِذٍ آدَمُ فَمَنْ سِوَاهُ إِلاَّ تَحْتَ لِوَائِي وَأَنَا أَوَّلُ مَنْ تَنْشَقُّ عَنْهُ الأَرْضُ وَلاَ فَخْرَ

Maksudnya: *Aku adalah penghulu bagi sekalian anak Adam dan aku tidak bermegah. Di tanganku terdapat Liwa' al-Hamd (bendera pujian) dan aku tidak bermegah. Tidak ada seorang nabi termasuklah Nabi Adam atau sesiapa pun yang terkecuali; semuanya akan berada di bawah benderaku. Akulah orang pertama yang dibangkitkan dari kubur dan aku tidak bermegah.* (Riwayat Tirmizi, No. 3615)

Pada hari akhirat kelak, semua manusia termasuk para nabi berada di bawah bendera Rasulullah SAW. Meskipun diberikan kemuliaan yang sebegitu tinggi, namun baginda SAW tetap mengucapkan وَلاَ فَخْرَ ; yang menunjukkan tiada kesombongan atau keangkuhan. Sebaliknya, baginda SAW hanya menyatakan nikmat dan kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepadanya.

Rasulullah SAW diberi berbagai kelebihan di akhirat nanti yang tidak diberikan kepada nabi-nabi yang lain untuk memberi syafaat kepada umat manusia. Namun, Baginda tidak bermegah dengan anugerah yang diberikan.

5. **Kurniaan yang banyak - الْكَوْثَرَ (*al-Kauthar*)**

Antara kurniaan Allah SWT kepada Rasulullah SAW di akhirat nanti adalah, *al-Kauthar*. Ia membawa maksud sebatang sungai yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada baginda SAW di syurga. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّآ أَعۡطَيۡنَٰكَ ٱلۡكَوۡثَرَ ١ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنۡحَرۡ ٢ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ ٱلۡأَبۡتَرُ ٣﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Rasulullah) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat)(1) Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)(2) Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingininya)* [al-Kauthar: 1-3]

Rasulullah SAW menceritakan *al-Khauthar* dengan sabdanya:

بَيْنَمَا أَنَا أَسِيرُ فِي الْجَنَّةِ إِذَا أَنَا بِنَهَرٍ حَافَتَاهُ قِبَابُ الدُّرِّ الْمُجَوَّفِ قُلْتُ مَا هَذَا يَا جِبْرِيلُ قَالَ هَذَا الْكَوْثَرُ الَّذِي أَعْطَاكَ رَبُّكَ

Maksudnya: *Ketika aku berjalan di syurga (dalam peristiwa Mikraj), aku terpegun melihat sebatang sungai, pada kedua-dua tebingnya terdapat kubah daripada permata yang berongga. Lalu aku bertanya, "Apakah ini wahai Jibril?" Jibril menjawab, "Inilah al-Kauthar yang dikurniakan Tuhanmu kepada engkau".* (Riwayat Bukhari, No. 6581)

6. Selain daripada yang disebut keistimewaan, terdapat banyak lagi keutamaan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW di akhirat kelak, antaranya:

i. Orang pertama yang diizinkan untuk bercakap dengan Allah SWT. Rasulullah SAW memulakan ucapannya dengan memuji Allah SWT.
ii. Orang yang pertama dibenarkan sujud kepada Allah SWT.
iii. Orang pertama yang diberi izin oleh Allah SWT untuk memberi syafaat di Padang Mahsyar (*Syafaat al-Kubra*).
iv. Orang pertama yang bersama umatnya melalui titian *Sirat al-Mustaqim.*
v. Orang pertama yang memegang *halaqah* (pemegang) pintu syurga.
vi. Orang pertama yang dibuka untuknya pintu syurga.
vii. Orang pertama yang memasuki syurga.
viii. Umat Rasulullah SAW merupakan umat pertama yang diselesaikan urusan penghakiman di akhirat sebelum umat nabi-nabi lain.

MINGGU 05



7.0 Syarat beriman dengan Rasulullah مُحَمَّدًا رَّسُوْلُ اللّٰه



Penyaksian terhadap kerasulan Nabi Muhammad SAW adalah bahagian kedua dari dua kalimah syahadah. Terdapat beberapa syarat yang mesti dipenuhi oleh seseorang Muslim yang mengaku beriman terhadap Rasulullah SAW bagi menyempurnakan keimanannya terhadap baginda. Antara tuntutan tersebut[5] adalah:

7. 1 Membenarkan (تصديقه فيما أخبر)

Tasdiq bermaksud membenarkan segala yang disampaikan oleh Rasulullah SAW melalui al-Quran dan al-Sunnah (yang sahih).

Setiap muslim mestilah beriman kepada Allah SWT dan rasulNya dengan sebenar-benar keimanan dan menjauhi kekufuran. Hal ini sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ ءَامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَٱلۡكِتَٰبِ ٱلَّذِي نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَٱلۡكِتَٰبِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ مِن قَبۡلُۚ وَمَن يَكۡفُرۡ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ فَقَدۡ ضَلَّ ضَلَٰلَۢا بَعِيدًا ١٣٦﴾

[5] Muhammad Hassan. *Haqiqah al-Tauhid*. Mansurah: Maktabah Fayyadh. 2003.

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya, dan kepada Kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada RasulNya (Muhammad SAW), dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh* [al-Nisa': 136]

Sehubungan itu, Allah SWT menjelaskan bahawa orang yang mengaku dirinya beriman mestilah membenarkan sepenuhnya ajaran Rasulullah SAW yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. FirmanNya:

﴿فَـَٔامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَٱلنُّورِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلۡنَاۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ٨﴾

Maksudnya: *Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan kepada rasulNya serta kepada penerangan cahaya Al-Quran – yang Kami turunkan. Dan (ingatlah), Allah Amat Mendalam PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan* [al-Taghabun: 8]

Setiap perkara yang disampaikan oleh Rasulullah SAW melalui al-Quran mahupun al-Sunnah semuanya adalah wahyu daripada Allah SWT yang dijamin kebenarannya. Hal ini sepertimana dinyatakan dalam firman Allah SWT:

﴿وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلۡهَوَىٰٓ ٣ إِنۡ هُوَ إِلَّا وَحۡيٞ يُوحَىٰ ٤﴾

Maksudnya: *Dan dia (Rasulullah) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. (3) Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. (4)* [al-Najm:3-4]

Oleh yang demikian, Allah SWT menjelaskan bahawa cara untuk mendapat hidayah adalah dengan beriman kepadaNya dan Rasulullah SAW serta mengikuti setiap tatacara yang ditunjukkan baginda dalam setiap aspek kehidupan. Allah SWT berfirman:

﴿قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ ٱلنَّبِىِّ ٱلْأُمِّىِّ ٱلَّذِى يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَكَلِمَٰتِهِۦ وَٱتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (diutus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk"* [al-A'raf: 158]

Di samping itu, Allah SWT telah menjanjikan rahmat, cahaya di akhirat serta keampunan kepada sesiapa yang beriman kepadaNya dan Rasulullah SAW dengan sepenuh hati. Firman Allah SWT:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَءَامِنُوا۟ بِرَسُولِهِۦ يُؤْتِكُمْ كِفْلَيْنِ مِن رَّحْمَتِهِۦ وَيَجْعَل لَّكُمْ نُورًا تَمْشُونَ بِهِۦ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٨﴾﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tetaplah beriman kepada RasulNya (Nabi Muhammad), supaya Allah memberi kepada kamu dua bahagian dari rahmatNya, dan menjadikan bagi kamu cahaya untuk kamu berjalan dengannya (pada hari kiamat kelak), serta diampunkannya dosa kamu; dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani* [al-Hadid: 28]

Selain itu, Allah SWT turut mengancam sesiapa sahaja yang tidak beriman denganNya dan Rasulullah SAW dengan azab neraka. Hal ini sepertimana dinyatakan dalam firmanNya:

﴿وَمَن لَّمْ يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ فَإِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ سَعِيرًا ﴿١٣﴾﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah bahawa) sesiapa yang tidak beriman kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya Kami sediakan bagi orang-orang kafir itu api neraka yang menjulang-julang* [al-Fath: 13]

Begitu juga Rasulullah SAW turut menjelaskan bahawa hanya orang yang beriman kepada Allah SWT dan segala yang disampaikan oleh baginda sahaja yang berhak mendapat perlindungan dan keselamatan. Sabda Rasulullah SAW:

"أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَيُؤْمِنُوا بِي وَبِمَا جِئْتُ بِهِ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلاَّ بِحَقِّهَا وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ ".

Maksudnya: *Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah dengan sebenarnya selain Allah dan beriman denganku dan segala perkara yang aku bawa. Sekiranya mereka melakukan sedemikian maka mereka telah memelihara darah mereka dan harta mereka daripada aku, melainkan dengan hak Islam, dan hisab perhitungan amal mereka terserah kepada Allah Taala.* (Riwayat Muslim, No. 21)

Daripada dalil-dalil ini, dapat difahami bahawa intipati beriman dengan Rasulullah SAW adalah dengan sentiasa membenarkan setiap perkara yang dibawa oleh baginda melalui al-Quran dan sunnah serta meyakini dengan pasti tanpa sebarang keraguan tentang risalah wahyu yang disampaikannya. Justeru, mereka yang beriman, meyakini dan membenarkan apa yang disampaikan Allah SWT dan rasulNya akan mendapat keselamatan dan ganjaran yang besar di dunia serta akhirat.

7. 2 Taat dalam setiap perkara yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW (طاعته فيما أمر)

Syarat kedua adalah mentaati dan melaksanakan setiap titah perintah baginda dalam setiap perkara. Hal ini seperti melaksanakan segala yang menepati syariat iaitu perkara wajib, sunat dan harus serta meninggalkan perkara yang haram dan makruh. Firman Allah SWT:

﴿۞يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَلَا تُبۡطِلُوٓاْ أَعۡمَٰلَكُمۡ ٣٣﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah, dan janganlah kamu batalkan amal-amal kamu!* [Muhammad:33]

Ayat di atas menjelaskan Allah SWT memerintahkan orang yang beriman supaya mentaatiNya dan Rasulullah SAW agar amalan mereka diterima dan tidak tertolak atau terbatal.

Dan firman Allah SWT lagi:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِى ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡۖ فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِى شَىۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمۡ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ ذَٰلِكَ خَيۡرٞ وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلًا ٥٩﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya* [al-Nisa': 59]

Hal ini diperkukuhkan lagi dengan keterangan oleh Allah SWT bahawa Rasulullah SAW adalah utusanNya yang membawa petunjuk ke jalan yang lurus untuk mendapat kebenaran dan keredaanNya. Allah SWT berfirman:

﴿وَكَذَٰلِكَ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ رُوحٗا مِّنۡ أَمۡرِنَاۚ مَا كُنتَ تَدۡرِى مَا ٱلۡكِتَٰبُ وَلَا ٱلۡإِيمَٰنُ وَلَٰكِن جَعَلۡنَٰهُ نُورٗا نَّهۡدِى بِهِۦ مَن نَّشَآءُ مِنۡ عِبَادِنَاۚ وَإِنَّكَ لَتَهۡدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٥٢ صِرَٰطِ ٱللَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلۡأَرۡضِۗ أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلۡأُمُورُ ٥٣﴾

Maksudnya: *Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Rasulullah) - Al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepadamu): apakah Kitab (Al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan Al-Quran: cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau*

(wahai Rasulullah) adalah memberi petunjuk dengan Al-Quran itu ke jalan yang lurus(52) Iaitu jalan Allah yang memiliki dan menguasai segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Ingatlah! Kepada Allah jualah kembali segala urusan(53) [al-Syura: 52-53]

Sehubungan itu, Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW menyeru umatnya untuk mentaatiNya dan baginda supaya mereka mendapat petunjuk. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

﴿قُلۡ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَۖ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنَّمَا عَلَيۡهِ مَا حُمِّلَ وَعَلَيۡكُم مَّا حُمِّلۡتُمۡۖ وَإِن تُطِيعُوهُ تَهۡتَدُواْۚ وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ٥٤﴾

Maksudnya: *Katakanlah lagi (wahai Rasulullah kepada mereka): " Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah. Kemudian jika kamu berpaling ingkar maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Rasulullah hanya bertanggungjawab akan apa yang ditugaskan kepadanya, dan kamu pula bertanggungjawab akan apa yang ditugaskan kepada kamu. Dan jika kamu taat kepadanya nescaya kamu beroleh hidayah petunjuk; dan (sebenarnya) Rasulullah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah dengan penjelasan yang terang nyata"* [al-Nur: 54]

Allah SWT juga memberi peringatan kepada orang beriman supaya tetap taat kepada perintahNya dan Rasulullah SAW serta tidak mengingkarinya apatah lagi setelah mereka mengetahui tentang syarat melakukan demikian. FirmanNya:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَوَلَّوۡاْ عَنۡهُ وَأَنتُمۡ تَسۡمَعُونَ٢٠﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah SWT dan RasulNya dan janganlah kamu berpaling (tidak taat) daripadanya, sedang kamu mendengar (al-Quran yang mewajibkan taatnya).* [al-Anfal:20]

Hal ini kerana mengingkari atau enggan mematuhi perintah Allah SWT dan rasulNya merupakan suatu dosa besar dan salah satu dari tanda kekufuran di dalam hati. Allah SWT berfirman:

﴿قُلۡ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَۖ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡكَٰفِرِينَ٣٢﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Oleh itu, jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kafir* [Ali-'Imran: 32]

Justeru, sesiapa yang mentaati Rasulullah SAW dengan ketaatan yang sebenar dan tidak berbelah bahagi maka dia akan mendapat rahmat Allah SWT. Hal ini sebagaimana firmanNya:

﴿وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ٥٦﴾

Maksudnya: *Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasulullah; supaya kamu beroleh rahmat* [al-Nur: 56]

Begitu juga mereka yang mentaati Rasulullah SAW akan mendapat kejayaan yang paling agung iaitu pembebasan dari api neraka dan memperolehi balasan syurga di akhirat kelak. Firman Allah SWT:

﴿يُصۡلِحۡ لَكُمۡ أَعۡمَٰلَكُمۡ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدۡ فَازَ فَوۡزًا عَظِيمًا٧١﴾


Maksudnya: *Supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan* [al-Ahzab: 71]

Tambahan lagi, mereka bukan sahaja mendapat balasan syurga bahkan memperolehi kedudukan yang utama bersama para nabi, siddiqin, syuhada dan orang-orang soleh. Hal ini dijanjikan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

﴿وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَٱلصَّٰلِحِينَۚ وَحَسُنَ أُوْلَٰٓئِكَ رَفِيقٗا٦٩ ذَٰلِكَ ٱلۡفَضۡلُ مِنَ ٱللَّهِۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ عَلِيمٗا٧٠﴾

Maksudnya: *Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang siddiqiin, dan orang-orang yang syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat)(69) Yang demikian itu adalah limpah kurnia dari Allah; dan cukuplah Allah Yang Maha Mengetahui (akan balasan pahalanya)(70)* [al-Nisa`: 69-70]

MINGGU 06





7. 3 Menjauhi dan meninggalkan setiap perkara yang ditegah dan dilarang oleh Rasulullah SAW (واجتناب ما نهى عنه وزجر)

Selain mentaati perintah, setiap muslim juga perlu meninggalkan dan menjauhi larangan Rasulullah SAW. Hal ini merupakan salah satu tanda ketakwaan di dalam hati sebagaimana firman Allah SWT:

﴿مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَـٰمَىٰ وَٱلْمَسَـٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ **وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟** ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ۝٧﴾

Maksudnya: *Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Nabi Muhammad SAW) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.* ***Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya.*** *Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)* [al-Hasyr: 7]

Di samping itu, Allah SWT menyatakan bahawa baginda SAW hanya bertanggungjawab menyampaikan ajaran melalui perintah dan larangan. Jika

manusia tetap melakukan perkara yang dilarang tersebut, maka mereka sendiri akan menanggung akibatnya. Firman Allah SWT:

﴿مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدۡ أَطَاعَ ٱللَّهَۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ عَلَيۡهِمۡ حَفِيظٗا٨٠﴾

Maksudnya: *Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Rasulullah), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan)* [al-Nisa': 80]

FirmanNya lagi:

﴿وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَٱحۡذَرُواْۚ فَإِن تَوَلَّيۡتُمۡ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ٩٢﴾

Maksudnya: *Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasulullah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan RasulNya). Oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut apa yang diperintahkan itu), maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata* [al-Maidah: 92]

Selain itu, Allah SWT memberi amaran kepada orang beriman yang tidak mentaatiNya dan Rasulullah SAW bahawa Dia berkuasa untuk melakukan apa sahaja yang diinginiNya kepada orang yang ingkar yang akan menyebabkan mereka sengsara dunia akhirat. Firman Allah SWT:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱسۡتَجِيبُواْ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمۡ لِمَا يُحۡيِيكُمۡۖ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيۡنَ ٱلۡمَرۡءِ وَقَلۡبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ٢٤﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila Ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya[6], dan sesungguhnya kepadaNyalah kamu akan dihimpunkan* [al-Anfal: 24]

[6] Menurut Ibnu Abbas, maksud ayat ini adalah Allah SWT berkuasa menghalang hati orang mukmin

Sehubungan itu, sesiapa yang berpaling dari ketaatan dan melampaui batas dengan melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT dan rasulNya, maka mereka akan dihumban ke dalam api neraka. Hal ini sebagaimana digambarkan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

﴿تِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِۚ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ يُدۡخِلۡهُ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ وَذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ١٣ وَمَن يَعۡصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُۥ يُدۡخِلۡهُ نَارًا خَٰلِدٗا فِيهَا وَلَهُۥ عَذَابٞ مُّهِينٞ ١٤﴾

Maksudnya: *Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (Syariat) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar(13) Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan RasulNya, dan melampaui batas-batas SyariatNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekallah dia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghina* [al-Nisa': 13-14]

Hal ini diperincikan lagi oleh Allah SWT bahawa mereka yang telah dihumban ke dalam neraka akan meluahkan penyesalan terhadap keingkaran yang dilakukan semasa di dunia dahulu. Firman Allah SWT:

﴿يَوۡمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمۡ فِي ٱلنَّارِ يَقُولُونَ يَٰلَيۡتَنَآ أَطَعۡنَا ٱللَّهَ وَأَطَعۡنَا ٱلرَّسُولَا۠ ٦٦﴾

Maksudnya: *Pada masa muka mereka dibalik-balikkan dalam neraka, mereka berkata (dengan sesalnya): "Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) taat kepada Allah serta taat kepada Rasulullah* [al-Ahzab: 66]

Dalam hal ini, Rasulullah SAW turut menjelaskan bahawa sesiapa yang mengingkari perintah dan larangan baginda maka sebenarnya dia telah mengingkari Allah SWT dan enggan memasuki syurga. Sabda baginda SAW:

مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ

dari kekafiran dan hati orang kafir dari keimanan. Hal ini bermaksud bahawa hati seseorang boleh berubah sekelip mata dari keimanan kepada kekufuran dan dari kekufuran kepada keimanan jika dikehendakiNya.

Maksudnya: *Sesiapa yang mentaatiku maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah, dan sesiapa yang mengingkariku maka sesungguhnya dia telah mengingkari Allah.* (Riwayat Bukhari, No. 7317)

Dan sabdanya lagi:

كُلُّ أُمَّتِي يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ، إِلاَّ مَنْ أَبَى ". قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَنْ يَأْبَى قَالَ " مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَبَى ".

Maksudnya: *"Semua umatku akan masuk ke dalam syurga kecuali mereka yang enggan". Lalu para sahabat bertanya, "Siapakah yang enggan itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab, "Sesiapa yang mentaatiku dia akan masuk ke syurga, dan sesiapa yang mengingkariku maka sesungguhnya dia enggan."*[7] (Riwayat Bukhari, No. 7280)

7. 4 Tidak boleh melakukan sesuatu ibadah (khusus) kecuali mengikut syariat yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW (الّا يعبد الله إلّا بما شرع)

Syarat keempat ialah tidak boleh melakukan sesuatu ibadah (khusus) kecuali mengikuti syariat yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW. Setiap bentuk ibadah (khusus) mestilah berdasarkan dalil yang sahih daripada al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana ibadah ialah perkara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya, serta tidak boleh dilakukan sesuka hati atau menurut rekaan manusia.

Ibadah seperti solat subuh dua rakaat, maghrib tiga rakaat, dan zohor, asar dan isyak empat rakaat, semuanya ada dalil. Begitu juga berpuasa

[7] Rasulullah SAW amat mencintai umatnya dan tidak ingin walaupun seorang dari kalangan mereka tidak beriman dan dimasukkan ke neraka. Baginda SAW telah menyeru umatnya dengan sepenuh hati untuk mentauhidkan Allah SWT serta mengakui kerasulannya. Hal ini diceritakan oleh Allah SWT dalam firmanNya menerusi ayat 128-129 Surah al-Taubah, ayat 3 Surah al-Syu'ara dan ayat 6 Surah al-Kahfi.

Intisari dari ayat-ayat ini menceritakan kesedihan Rasulullah SAW yang merasakannya tidak mampu berdakwah dengan sebaik mungkin sehingga masih terdapat orang-orang yang menolak seruan baginda. Namun, Allah SWT memujuk rasulNya bahawa akan tetap ada golongan yang tidak beriman walaupun telah diberikan keterangan yang jelas dan seharusnya baginda menyerahkan urusan tersebut kepadaNya kerana Dialah yang Maha Mengetahui.

sebulan di bulan Ramadhan, ada dalil. Justeru, para ulamak membuat rumusan dan kaedah dalam ibadah iaitu " الأصل في العبادة التوقف، فلا يجوز فعل عبادة إلا بدليل شرعي من القرآن والسنة " ; bermaksud asal dalam ibadah ialah *tauqif* (tidak boleh direka sendiri), maka tidak boleh melakukan ibadah kecuali dengan dalil syarak daripada Al-Quran dan Sunnah."[8]

Para sahabat apabila mendengar dan mendapat perintah dari Allah SWT dan Rasulullah SAW, maka mereka terus taat dan melaksanakan perintah tersebut sepenuhnya tanpa sebarang bantahan. Dengan sebab itu, mereka diberikan kedudukan yang tinggi disisi Allah SWT. Firman Allah SWT

﴿إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ **أَن يَقُولُواْ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَاۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ**٥١ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَخْشَ ٱللَّهَ وَيَتَّقْهِ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ٥٢﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah* ***mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat": dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan****(51) Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya dan takut melanggar perintah Allah serta, menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan(52)* [al-Nur: 51-52]

Oleh itu, menjadi kewajiban terhadap setiap orang beriman untuk berpegang teguh dengan cara ibadah yang telah disyariatkan oleh Rasulullah SAW dan mengikuti sunnahnya. Orang yang mengikuti baginda SAW akan dikasihi oleh Allah SWT sepertimana firmanNya:

﴿قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ٣١﴾

[8] Yusuf al-Qaradawi, Al-Ibadah Fil Islam, Edisi ke-3, Kaherah: Dar al-Shuruq, 1999.

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.* [Ali-'Imran:31]

8.0 Kewajipan Terhadap Rasulullah SAW



8.1 Mencintai Rasulullah SAW dengan sepenuh hati

Mencintai Rasulullah SAW adalah asas keimanan kepada baginda dan kemuncak kesempurnaan iman. Hal ini kerana ia merupakan perintah Allah SWT yang jelas untuk mencintaiNya dan Rasulullah SAW lebih dari segalanya.

Setiap orang yang menyukai atau mengasihi seseorang akan selalu menyebut orang yang dikasihinya kerana tumpuan dan fikirannya teringat kepada orang tersebut. Begitulah juga orang yang kasih kepada Rasulullah SAW, walaupun tidak pernah berjumpa tetapi mereka tetap berasa ingin bertemu dengan baginda sebagaimana seorang kekasih merindui untuk bertemu dengan kekasihnya. FirmanNya:

﴿قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ فِى سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٤﴾﴾


Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk ugamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka).* [al-Tawbah:24]

Ayat tersebut menjelaskan ancaman kepada orang yang beriman supaya tidak melebihkan cinta terhadap perkara lain selain Allah SWT dan rasulNya. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya:


" لاَ يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ "

Maksudnya: *“Tidak (sempurna) iman seseorang kamu sehingga aku lebih disayangi olehnya daripada dia menyayangi anaknya, bapanya dan seluruh manusia.”* (Riwayat Muslim, No. 44)

MINGGU 07



8.1.1 Tanda-Tanda Mencintai Rasulullah SAW



1. **Berpegang teguh dengan syariat yang dibawa baginda SAW dan mengikuti sunnahnya.** Firman Allah:

﴿قُلۡ إِن كُنتُمۡ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحۡبِبۡكُمُ ٱللَّهُ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٣١﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani* [Ali-'Imran: 31]

Allah SWT menjelaskan bahawa orang yang mengikuti Rasulullah sebagai tanda orang yang mencintai Allah dan menyebabkan seseorang itu berusaha sedaya upaya mengikuti Rasulullah SAW dengan berpegang teguh dengan syariat yang dibawa dan berusaha bersungguh-sungguh untuk

melaksanakan sunnah baginda. Dengan itu, dia akan mendapat kasih sayang daripada Allah dan mendapat keampunan daripadaNya.

2. Menghormati, memuliakan dan beradab dengan Rasulullah SAW

Menghormati, memuliakan dan bersopan santun terhadap junjungan mulia Rasulullah SAW merupakan antara tanda setiap orang beriman terhadap baginda. Hal ini sebagaimana perintah Allah SWT dalam firmanNya:

﴿إِنَّآ أَرۡسَلۡنَٰكَ شَٰهِدٗا وَمُبَشِّرٗا وَنَذِيرٗا ٨ لِّتُؤۡمِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ وَتُسَبِّحُوهُ بُكۡرَةٗ وَأَصِيلًا ٩﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah mengutusmu (wahai Muhammad) sebagai Rasul yang menjadi saksi (yang diterima keterangannya), dan sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar)(8) (Kami mengutusmu wahai Muhammad) supaya engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan RasulNya, dan supaya kamu kuatkan ugamaNya serta memuliakanNya, dan supaya kamu beribadat kepadaNya pada waktu pagi dan petang(9)* [Al-Fat-h: 8-9]

تُسَبِّحُوهُ dalam ayat di atas adalah tasbih terhadap Allah SWT, adapun

وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ adalah untuk Rasulullah SAW.

Allah SWT sendiri telah memerintahkan orang yang beriman untuk menghormati serta memuliakan Rasulullah SAW. Hal ini kerana baginda telah dimuliakan oleh Allah SWT maka seharusnya orang yang beriman turut melakukan hal yang sama. Allah SWT berfirman:

﴿ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِيَّ ٱلۡأُمِّيَّ ٱلَّذِي يَجِدُونَهُۥ مَكۡتُوبًا عِندَهُمۡ فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِ وَٱلۡإِنجِيلِ يَأۡمُرُهُم بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَىٰهُمۡ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَ وَيَضَعُ عَنۡهُمۡ إِصۡرَهُمۡ وَٱلۡأَغۡلَٰلَ ٱلَّتِي كَانَتۡ عَلَيۡهِمۡۚ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِهِۦ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَٱتَّبَعُواْ ٱلنُّورَ ٱلَّذِيٓ أُنزِلَ مَعَهُۥٓ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٥٧﴾

Maksudnya: *"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Nabi Muhammad SAW) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.* [al-A'raf:157]

Sehubungan itu, Allah SWT telah memberi peringatan kepada orang beriman untuk tidak melakukan perkara-perkara yang tidak beradab terhadap Rasulullah SAW agar mereka dapat mencapai ketakwaan. Hal ini sepertimana firmanNya:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُقَدِّمُواْ بَيۡنَ يَدَيِ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٞ ١ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَرۡفَعُوٓاْ أَصۡوَٰتَكُمۡ فَوۡقَ صَوۡتِ ٱلنَّبِيِّ وَلَا تَجۡهَرُواْ لَهُۥ بِٱلۡقَوۡلِ كَجَهۡرِ بَعۡضِكُمۡ لِبَعۡضٍ أَن تَحۡبَطَ أَعۡمَٰلُكُمۡ وَأَنتُمۡ لَا تَشۡعُرُونَ ٢ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصۡوَٰتَهُمۡ عِندَ رَسُولِ ٱللَّهِ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱمۡتَحَنَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمۡ لِلتَّقۡوَىٰۚ لَهُم مَّغۡفِرَةٞ وَأَجۡرٌ عَظِيمٌ ٣﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan RasulNya; dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui (1) Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya (2) Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah (SAW), - merekalah orang-orang yang telah dibersihkan Allah hati mereka untuk bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar (3)* [al-Hujurat: 1-3]

3. Banyak mengingati Rasulullah SAW dan bercita-cita untuk berjumpa dengan baginda SAW

Setiap muslim hendaklah sentiasa mengingati Rasulullah SAW dan bercita-cita untuk berjumpa dengan baginda. Ia merupakan sifat seorang Muslim. Sabda Rasulullah SAW:

" مِنْ أَشَدِّ أُمَّتِي لِي حُبًّا نَاسٌ يَكُونُونَ بَعْدِي يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ رَآنِي بِأَهْلِهِ وَمَالِهِ"

Maksudnya: *"Umatku yang paling mencintaiku adalah orang-orang yang akan datang selepasku. Salah seorang di antara mereka sangat ingin melihatku walau harus menebusnya dengan mengorbankan keluarga dan hartanya"* (Riwayat Muslim, No. 2832).

'Aisyah RA meriwayatkan tentang seorang lelaki yang sangat mencintai Rasulullah SAW di dunia namun dia berasa takut tidak akan dapat lagi bersama baginda di akhirat nanti. Kisah ini adalah sepertimana berikut:

جاءَ رجلٌ إلى النَّبيِّ صلَّى اللَّهُ عليْهِ وسلَّمَ فقالَ: يا رسولَ اللَّهِ إنَّكَ لأحَبُّ إليَّ من نَفسي وإنَّكَ لأحبُّ إليَّ من ولدي وإنِّي لأَكونُ في البيتِ فأذْكرُكَ فما أصبِرُ حتَّى آتيَ فأنظُرَ إليْكَ وإذا ذَكرتُ موتي وموتَكَ عرفتُ أنَّكَ إذا دخلتَ الجنَّةَ رفعتَ معَ النَّبيِّينَ وأنِّي إذا دَخلتُ الجنَّةَ خَشيتُ أن لا أراكَ فلم يردَّ عليْهِ النَّبيُّ صلَّى اللَّهُ عليْهِ وسلَّمَ شيئًا حتَّى نزلَ جبريلُ بِهذِهِ الآيةِ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِّنَ ٱلنَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا

Maksudnya: *Seorang lelaki menghadap Nabi SAW dan berkata: "Ya Rasulullah! Aku mencintai kamu lebih daripada cinta kepada diriku dan anakku sendiri. Dan jika aku sedang di rumah, aku selalu mengingati kamu dan tidak sabar ingin segera bertemu dengan kamu. Dan jika aku teringatkan tentang ajalku dan ajal kamu, aku yakin bahawa kamu akan diangkat bersama para nabi di syurga. Apabila kamu masuk syurga, aku takut kalau-kalau tidak dapat bertemu dengan kamu". Maka Nabi SAW terdiam tidak menjawab sedikit pun sehingga turun Jibril AS dengan membawa ayat ini (al-Nisa` ayat 69) "Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang Soleh. Dan amatlah*

eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat). (Riwayat Tabrani)

4. Berselawat ke atas Rasulullah SAW

Allah SWT telah memerintahkan setiap orang beriman untuk memperbanyakkan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagai tanda kecintaan terhadap baginda dan segala ajarannya. Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا٥٦﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.* [al-Ahzab:56]

Selawat Allah SWT kepada Rasulullah SAW bermaksud Allah SWT memuji baginda di hadapan para malaikatNya. Selawat para malaikat kepada Rasulullah SAW pula memberi maksud mereka berdoa untuk baginda. Manakala selawat orang mukmin kepada Rasulullah SAW bermaksud mereka memohon kepada Allah SWT supaya baginda diberi ketinggian kedudukan, ditambah keagungan dan kemuliaannya. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ وَحُطَّتْ عَنْهُ عَشْرُ خَطِيئَاتٍ وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: *"Sesiapa yang berselawat ke atasku satu kali, maka Allah akan berselawat ke atasnya sepuluh kali, dihapuskan untuknya sepuluh dosa dan diangkat untuknya sepuluh darjat"* (Riwayat Nasa'ie, No. 1297)

Hadis ini menjelaskan kelebihan terhadap orang yang berselawat. Maksud hadis yang menyatakan Allah SWT berselawat kepada orang mukmin yang berselawat ke atas Rasulullah SAW adalah mereka dikurniakan rahmat

terhadap setiap satu selawat yang diucapkan. Hadis ini merupakan suatu bentuk galakan untuk memperbanyakkan selawat terhadap Rasulullah SAW. Antara lafaz-lafaz selawat ke atas Rasulullah SAW ialah:

1. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

   Maksudnya: *"Ya Tuhan kami, selawatkanlah ke atas Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya."* (An-Nasae'i, No. 1292]

2. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

   Maksudnya: *"Ya Allah berilah selawat kepada Muhammad dan kepada keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim, Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia. Ya Allah, Berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah memberkati Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia."* [HR Bukhari dan Muslim]

5. Mencintai ahli keluarga Rasulullah SAW, isteri-isteri baginda, kaum kerabat dan para sahabatnya


Tanda-tanda orang mencintai keluarga Rasulullah SAW adalah mereka yang mencintai, menghormati, menjaga kehormatan ahli keluarga baginda, isteri-isteri dan sahabat-sahabatnya. Hal ini kerana mereka merupakan para pendokong perjuangan baginda SAW yang dijamin kemuliaan mereka. Firman Allah SWT:

﴿وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ ٱلْأُولَىٰ ۖ وَأَقِمْنَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتِينَ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِعْنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجْسَ أَهْلَ ٱلْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾﴾

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu - wahai "Ahl al-Bait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)* [al-Ahzab: 33]

MINGGU 08

MINGGU 08



8.1.2 Kesan dan Manfaat Mencintai Rasulullah SAW



1. Merasai Kemanisan Iman

Antara kesan dan manfaat yang paling utama dinikmati oleh mereka yang mencintai Rasulullah SAW adalah akan merasai kemanisan iman di dalam hatinya. Hal ini berdasarkan sabda baginda SAW:

" ثَلاَثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلاَوَةَ الإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لاَ يُحِبُّهُ إِلاَّ لِلَّهِ، وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ ".

Maksudnya: *"Sesiapa yang memiliki tiga perkara ini maka dia telah mencapai kemanisan iman; dia mencintai Allah dan rasulNya melebihi (mengatasi) segala-galanya, dia mencintai seseorang tidak lain tidak bukan hanyalah kerana Allah semata-mata, dan dia tidak mahu kembali kepada kekufuran sebagaimana dia tidak mahu dicampak ke neraka."* (Riwayat Bukhari, No. 16)

2. Bersama Rasulullah SAW di akhirat

Orang yang mencintai dan mengasihi Rasulullah SAW akan bersama baginda di akhirat. Dia akan berasa bahagia dan gembira apabila dapat bersama orang dikasihinya di syurga. Hal ini seperti dicatatkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَتَى السَّاعَةُ قَالَ " وَمَا أَعْدَدْتَ لِلسَّاعَةِ " . قَالَ حُبَّ اللَّهِ وَرَسُولِهِ قَالَ " فَإِنَّكَ مَعَ مَنْ أَحْبَبْتَ " . قَالَ أَنَسٌ فَمَا فَرِحْنَا بَعْدَ الإِسْلاَمِ فَرَحًا أَشَدَّ مِنْ قَوْلِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم " فَإِنَّكَ مَعَ مَنْ أَحْبَبْتَ " . قَالَ أَنَسٌ فَأَنَا أُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ فَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ مَعَهُمْ وَإِنْ لَمْ أَعْمَلْ بِأَعْمَالِهِمْ.

Maksudnya: *Telah datang seorang lelaki berjumpa Rasulullah SAW, lalu dia bertanya "Ya Rasulullah, bilakah berlakunya kiamat?", Baginda bertanya kepadanya, "Apa persiapan yang telah kamu buat untuk Hari Kiamat?". Dia berkata: "Mencintai Allah dan Rasul-Nya (adalah satu-satunya persiapan saya)". Setelah itu Baginda SAW berkata: "Kamu akan bersama dengan orang yang kamu cintai". Anas berkata: "Tidak ada yang lebih menggembirakan kami setelah menerima Islam daripada kata-kata Rasulullah: Anda akan bersama dengan orang yang anda cintai". Dan Anas berkata. "Saya mengasihi Allah dan Rasul-Nya, Abu Bakar dan Umar, dan saya berharap bahawa saya akan bersama mereka walaupun saya tidak dapat melakukan amalan-amalan baik seperti mereka."* (Riwayat Muslim)

Hal ini diperkukuhkan lagi dengan hadis daripada 'Aisyah RA, beliau meriwayatkan tentang seorang lelaki yang sangat mencintai Rasulullah SAW di dunia namun dia berasa takut tidak akan dapat lagi bersama baginda di akhirat nanti. Kisah ini adalah sepertimana berikut:

جاءَ رجلٌ إلى النَّبيِّ صلَّى اللَّهُ عليْهِ وسلَّمَ فقالَ: يا رسولَ اللَّهِ إنَّكَ لأحَبُّ إليَّ من نَفسي وإنَّكَ لأحبُّ إليَّ من ولدي وإنِّي لأَكونُ في البيتِ فأذْكرُكَ فما أصبِرُ حتَّى آتيَ فأنظُرَ إليْكَ وإذا ذَكرتُ موتي وموتَكَ عرفتُ أنَّكَ إذا دخلتَ الجنَّةَ رفعتَ معَ النَّبيِّينَ وأنِّي إذا دَخلتُ الجنَّةَ خَشيتُ أن لا أراكَ فلم يردَّ عليْهِ النَّبيُّ صلَّى اللَّهُ عليْهِ وسلَّمَ شيئًا حتَّى نزلَ جبريلُ بِهذِهِ الآيةِ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِّنَ ٱلنَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا

Maksudnya: *Seorang lelaki menghadap Nabi SAW dan berkata: "Ya Rasulullah! Aku mencintai kamu lebih daripada cinta kepada diriku dan anakku sendiri. Dan jika aku sedang di rumah, aku selalu mengingati kamu dan tidak sabar ingin segera bertemu dengan kamu. Dan jika aku teringatkan tentang*

ajalku dan ajal kamu, aku yakin bahawa kamu akan diangkat bersama para nabi di syurga. Apabila kamu masuk syurga, aku takut kalau-kalau tidak dapat bertemu dengan kamu". Maka Nabi SAW terdiam tidak menjawab sedikit pun sehingga turun Jibril AS dengan membawa ayat ini (al-Nisa` ayat 69) "Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang Soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat). (Riwayat Tabrani)



8.2 Mentaati Rasulullah SAW

Antara kewajipan seorang Muslim terhadap Rasulullah SAW adalah mentaati baginda SAW dengan sepenuh hati dan jiwa iaitu dengan melaksanakan titah perintahnya, mencontohi perbuatan, kata-kata serta perjalanan hidupnya kerana baginda adalah utusan Allah untuk membawa hambaNya kepada jalan yang lurus.FirmanNya:

﴿وَكَذَٰلِكَ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ رُوحٗا مِّنۡ أَمۡرِنَاۚ مَا كُنتَ تَدۡرِي مَا ٱلۡكِتَٰبُ وَلَا ٱلۡإِيمَٰنُ وَلَٰكِن جَعَلۡنَٰهُ نُورٗا نَّهۡدِي بِهِۦ مَن نَّشَآءُ مِنۡ عِبَادِنَاۚ وَإِنَّكَ لَتَهۡدِيٓ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٥٢ صِرَٰطِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلۡأُمُورُ ٥٣﴾

Maksudnya: *Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Rasulullah) - Al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepadamu): apakah Kitab (Al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan Al-Quran: cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara*

hamba-hamba Kami. ***Dan sesungguhnya engkau (wahai Rasulullah) adalah memberi petunjuk dengan Al-Quran itu ke jalan yang lurus(52) laitu jalan Allah yang memiliki dan menguasai segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Ingatlah! Kepada Allah jualah kembali segala urusan(53)*** [Ash-Shura: 52-53]

Dan firmanNya lagi:

﴿وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلۡهَوَىٰٓ ۝٣ إِنۡ هُوَ إِلَّا وَحۡيٞ يُوحَىٰ ۝٤﴾

Maksudnya: *Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri(3)*
Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya(4) [An-Najm: 3-4]

Dengan kedudukan yang mulia yang diberikan oleh Allah SWT kepada baginda SAW, maka sudah tentu mentaati baginda dalam semua titah perintahnya adalah sebenarnya mentaati Allah SWT kerana hakikat yang menyuruh adalah Allah sementara baginda adalah penyampai perintahNya. Firman Allah:

﴿مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدۡ أَطَاعَ ٱللَّهَۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ عَلَيۡهِمۡ حَفِيظٗا ۝٨٠﴾

Maksudnya: *Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Rasulullah), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan)(80)* [An-Nisaa: 80]

Di samping itu, Allah SWT juga menegaskan dalam banyak ayat-ayat Al-Quran supaya orang-orang beriman mentaati Rasulullah SAW secara khusus. Antaranya:

﴿۞يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَلَا تُبۡطِلُوٓاْ أَعۡمَٰلَكُمۡ ۝٣٣﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah, dan janganlah kamu batalkan amal-amal kamu!(33)* [Muhammad: 33]

Dan Allah SWT berfirman lagi:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَوَلَّوۡاْ عَنۡهُ وَأَنتُمۡ تَسۡمَعُونَ٢٠﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berpaling daripadanya, sedang kamu mendengar (Al-Quran yang mewajibkan taatnya)(20)* [Al-Anfal: 20]

8.2.1 Tanda-Tanda Mentaati Rasulullah SAW



1. **Melaksanakan sunnah baginda dan merujuk kepadanya dalam urusan hidup.** Firman Allah:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡۖ فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِي شَيۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمۡ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ ذَٰلِكَ خَيۡرٞ وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلًا٥٩﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu*

mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya(59) [An-Nisaa: 59]

Ayat di atas memerintahkan setiap mukmin supaya menyelesaikan pertikaian di dalam kehidupan dengan mencari penyelesaian daripada Al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Ia adalah sebagai tanda orang yang beriman kepada Allah SWT dan mentaati Rasulullah SAW.

Di samping itu, Allah SWT menegaskan bahawa seseorang itu belum beriman dengan sebenar-benarnya sebelum mereka meletakkan Rasulullah SAW sebagai orang yang memberi penyelesaian dan penghakiman terhadap permasalahan yang berlaku di antara mereka dan menerima keputusan baginda SAW dengan rela hati.

﴿فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُواْ فِيٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا ٦٥﴾

Maksudnya: *Maka demi Tuhanmu (wahai Rasulullah)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya(65)* [An-Nisaa: 65]

2. Redha dengan keputusan Rasulullah SAW dan menerima sepenuh hati syariat yang dibawa baginda

Di antara tanda mentaati Rasulullah SAW adalah redha dengan semua keputusan yang dibuat oleh baginda dan syariat yang dibawa olehnya. Hal ini tidak akan berlaku kecuali dengan menerima dengan sepenuh hati serta patuh zahir dan batin terhadap apa yang dibawa oleh baginda SAW. Setiap perbuatan yang mengingkari atau membantah atau tidak setuju dengan apa yang dibawa oleh baginda adalah bertentangan dengan keredhaan terhadap baginda dan ia adalah tanda *nifaq*.

3. Mencontohi dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan

Mengikuti dan mencontohi Rasulullah SAW dalam kehidupan adalah dengan menuruti setiap apa yang ditunjukkan oleh baginda dalam pegangan, ucapan serta perbuatannya. Hal ini adalah tanda kecintaan seseorang terhadap Rasulullah SAW dan Allah SWT sebagaimana firmanNya:

﴿لَّقَدۡ كَانَ لَكُمۡ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسۡوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرۡجُواْ ٱللَّهَ وَٱلۡيَوۡمَ ٱلۡأٓخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرٗا ٢١﴾

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)* [al-Ahzab:21]

Oleh yang demikian, setiap muslim hendaklah mencontohi nabi dalam semua aspek kehidupan antaranya dalam akidah, ibadah, akhlak, pentadbiran, sosial, ekonomi, hal rumah tangga dan sebagainya. Hal ini kerana Rasulullah SAW adalah contoh terbaik untuk panduan sekalian manusia.

Justeru, tidak syak lagi bahawa setiap muslim perlu berusaha merealisasikan kehidupan mereka mengikut sunnah Rasulullah SAW, menjadikan baginda sebagai panduan hidup serta mencari penyelesaian dalam perbezaan pendapat dengan kembali kepada kitab Allah SWT dan sunnah baginda SAW . Firman Allah SWT:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡۖ فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِي شَيۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمۡ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ ذَٰلِكَ خَيۡرٞ وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلًا ٥٩﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu*

mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. [al-Nisa`:59]

Dalam konteks yang lebih khusus, mencontohi dan mengikuti Rasulullah SAW dalam beribadah adalah merupakan antara syarat amalan diterima. Semua ibadah yang dikerjakan seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya mestilah mengikuti cara yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW. Firman Allah SWT:

﴿قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ **عَمَلًا صَٰلِحًا** وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan* ***amal yang soleh*** *dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya."* [al-Kahfi: 110]

Menurut Fudhail bin ‘Iyadh, amal soleh yang dinyatakan dalam ayat tersebut adalah sesuatu amalan atau ibadah yang dilakukan dengan keikhlasan terhadap Allah SWT dan tepat sebagaimana ditunjukkan serta dilakukan oleh Rasulullah SAW.[9] Ikhlas ialah melakukan ibadah semata-mata kerana Allah SWT dan amalan yang tepat adalah berdasarkan sunnah Rasulullah SAW.

Jika sesuatu amalan itu dilakukan dengan ikhlas tanpa mengikuti tatacara baginda SAW, maka ianya tidak akan diterima. Begitu juga dengan amalan yang dilakukan dengan mengikuti sunnah Rasulullah SAW namun tidak diikhlaskan niat kerana Allah SWT, ianya juga tidak akan diterima.

[9] Mahmud al-Misri. *Kunuz min al-Sunnah*. Kaherah: Dar Ibn al-Jawzi. 2012.

Tatacara atau kaifiyat ibadah yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW adalah sebahagian dari syariat Islam yang tetap.[10] Maka ianya tidak dapat ditambah, dikurangkan atau diubah oleh sesiapapun. Syariat Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW disahkan telah sempurna oleh Allah SWT melalui firmanNya:

﴿... ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗاۚ ...٣﴾

Maksudnya: *Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu...* [al-Maidah: 3]

Oleh yang demikian, Rasulullah SAW memberi amaran kepada sesiapa yang melakukan ibadah tanpa mengikuti sunnah dan kaifiyat sepertimana yang telah ditetapkan oleh baginda melalui sabdanya:


"مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ ."

Maksudnya: *"Barangsiapa yang mengada-ada sesuatu perkara dalam urusan kita ini, yang bukan daripadanya, maka ia tertolak."* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Imam Hasan al-Basri pernah berkata, "Iman itu adalah ucapan, ucapan tersebut tidak sah kecuali dengan amalan, tidak sah ucapan dan amalan kecuali dengan niat, tidak sah ucapan, amalan dan niat melainkan dengan mengikut sunnah Rasulullah SAW." [11]

[10] Abdullah Yasin. *Hakikat Dua Kalimah Syahadat*. Kuala Lumpur: Al-Furqan Enterprise. 2020
[11] Muhammad Husayn al-Ajari. *Kitab al-Syariah*. Riyadh: Dar al-Watan. T.th.

MINGGU 09



8.2.2 Kesan dan Manfaat Mentaati Rasulullah SAW



Antara kesan dan manfaat mentaati Rasulullah ialah:

1. **Mendapat hidayah**

﴿قُلْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْاْ فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُم مَّا حُمِّلْتُمْ ۖ وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُواْ ۚ وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٥٤﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah lagi (kepada mereka): " Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah. Kemudian jika kamu berpaling ingkar maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Rasul Allah hanya bertanggungjawab akan apa yang ditugaskan kepadanya, dan kamu pula bertanggungjawab akan apa yang ditugaskan kepada kamu. Dan jika kamu taat kepadanya nescaya kamu beroleh hidayah petunjuk; dan (sebenarnya) Rasul Allah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah dengan penjelasan yang terang nyata"* [An-Nur: 54]

2. **Mendapat rahmat Allah SWT**

﴿وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾﴾

Maksudnya: *Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, supaya kamu diberi rahmat(132)* [Al-i'lmran: 132]

3. Mendapat kasih sayang Allah dan pengampunanNya

﴿قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani(31)* [Al-i'Imran: 31]

4. Dapat masuk ke Syurga Allah SWT

﴿يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾﴾

Maksudnya: *Supaya la memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan* [Al-Ahzab: 71]

Firman Allah SWT lagi:

﴿تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ يُدْخِلْهُ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١٣﴾﴾

Maksudnya: *Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (Syariat) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar* [An-Nisaa: 13]

Rasulullah SAW bersabda:

قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: "كُلُّ أُمَّتِي يَدْخُلُونَ الجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَبَى". قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، وَمَنْ يَأْبَى؟ قَالَ: "مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الجَنَّةَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَبَى."

Maksudnya: *"Semua umatku akan masuk syurga kecuali yang enggan." Para sahabat bertanya: "Siapakah yang enggan itu, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Sesiapa yang mentaatiku akan masuk syurga, dan sesiapa yang mengingkariku maka dia telah enggan."* [Bukhari:7280]

Baginda SAW bersabda lagi:

جَاءَتْ مَلَائِكَةٌ إلى النبيِّ صَلَّى اللهُ عليه وسلَّمَ وهو نَائِمٌ، فَقالَ بَعْضُهُمْ: إنَّه نَائِمٌ، وقالَ بَعْضُهُمْ: إنَّ العَيْنَ نَائِمَةٌ، والقَلْبَ يَقْظَانُ، فَقالوا: إنَّ لِصَاحِبِكُمْ هذا مَثَلًا، فَاضْرِبُوا له مَثَلًا، فَقالَ بَعْضُهُمْ: إنَّه نَائِمٌ، وقالَ بَعْضُهُمْ: إنَّ العَيْنَ نَائِمَةٌ، والقَلْبَ يَقْظَانُ، فَقالوا: مَثَلُهُ كَمَثَلِ رَجُلٍ بَنَى دَارًا، وجَعَلَ فِيهَا مَأْدُبَةً وبَعَثَ دَاعِيًا، فمَن أجَابَ الدَّاعِيَ دَخَلَ الدَّارَ وأَكَلَ مِنَ المَأْدُبَةِ، ومَن لَمْ يُجِبِ الدَّاعِيَ لَمْ يَدْخُلِ الدَّارَ ولَمْ يَأْكُلْ مِنَ المَأْدُبَةِ، فَقالوا: أوِّلُوهَا له يَفْقَهْهَا، فَقالَ بَعْضُهُمْ: إنَّه نَائِمٌ، وقالَ بَعْضُهُمْ: إنَّ العَيْنَ نَائِمَةٌ، والقَلْبَ يَقْظَانُ، فَقالوا: فَالدَّارُ الجَنَّةُ، والدَّاعِي مُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ عليه وسلَّمَ، فمَن أطَاعَ مُحَمَّدًا صَلَّى اللهُ عليه وسلَّمَ فقَدْ أطَاعَ اللَّهَ، ومَن عَصَى مُحَمَّدًا صَلَّى اللهُ عليه وسلَّمَ فقَدْ عَصَى اللَّهَ، ومُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ عليه وسلَّمَ فَرْقٌ بيْنَ النَّاسِ.

Maksudnya: *Telah datang para malaikat kepada Nabi SAW ketika baginda sedang tidur. Sebahagian mereka berkata: "Perumpamaannya adalah seperti seseorang yang membina sebuah rumah, lalu mengadakan jamuan, kemudian mengutus seorang penyampai untuk mengundang (orang-orang). Maka sesiapa yang memenuhi undangan itu akan masuk ke dalam rumah dan makan daripada hidangan, dan sesiapa yang tidak memenuhi undangan itu tidak akan masuk ke dalam rumah dan tidak makan daripada hidangan tersebut." Kemudian mereka berkata, "Tafsirlah perumpamaan itu supaya dia memahaminya." Lalu mereka berkata, "Rumah itu adalah syurga, dan penyampai itu adalah Muhammad ﷺ. Sesiapa yang taat kepada Muhammad ﷺ, maka dia telah taat kepada Allah, dan sesiapa yang menentang Muhammad ﷺ, maka dia telah menentang Allah. Muhammad ﷺ adalah pemisah antara manusia."* [Bukhari: 7281]

5. Akan bersama Rasulullah SAW di akhirat

﴿وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَٱلصَّٰلِحِينَۚ وَحَسُنَ أُوْلَٰٓئِكَ رَفِيقٗا ٦٩ ذَٰلِكَ ٱلۡفَضۡلُ مِنَ ٱللَّهِۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ عَلِيمٗا ٧٠﴾

Maksudnya: *Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang Soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat)(69) Yang demikian itu adalah limpah kurnia dari Allah; dan cukuplah Allah Yang Maha Mengetahui (akan balasan pahalanya)(70)* [An-Nisaa: 69-70]

9.0 Kesederhanaan terhadap Rasulullah SAW



Rasulullah SAW adalah manusia pilihan yang diberikan pelbagai keutamaan dan kelebihan di dunia dan akhirat. Dalam konteks keimanan terhadap baginda, seseorang mukmin tidak boleh terlampau mengagungkannya melebihi kadar yang sepatutnya.

Begitu juga, tidak boleh meremehkan dan mengambil mudah terhadap kemuliaan serta ketinggian kedudukannya. Justeru, setiap mukmin perlulah bersikap

sederhana[12] dalam keimanan mereka terhadap Rasulullah SAW. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian sepertimana berikut[13]:

1. **Rasulullah SAW adalah seorang manusia**

Rasulullah SAW adalah seorang insan yang dilahirkan sepertimana manusia lain. Namun, yang membezakannya adalah baginda dilantik sebagai nabi dan rasul untuk menyampaikan risalah wahyu. Firman Allah SWT:

﴿قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَمَن كَانَ يَرْجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya"* [al-Kahfi: 110]

Oleh itu, ketika Rasulullah SAW dicabar oleh kaum musyrikin untuk melakukan perkara-perkara yang di luar kemampuan baginda maka Allah SWT menyuruh baginda untuk memberitahu bahawa dia adalah manusia biasa. Perkara luar biasa yang mereka minta itu tidak dapat dilakukan kecuali oleh Allah SWT sepertimana dinyatakan dalam firmanNya:

﴿وَقَالُواْ لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ ٱلْأَرْضِ يَنۢبُوعًا ﴿٩٠﴾ أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجِّرَ ٱلْأَنْهَٰرَ خِلَٰلَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾ أَوْ تُسْقِطَ ٱلسَّمَآءَ كَمَا زَعَمْتَ عَلَيْنَا كِسَفًا أَوْ تَأْتِيَ بِٱللَّهِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾ أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّن زُخْرُفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِي ٱلسَّمَآءِ وَلَن نُّؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَٰبًا نَّقْرَؤُهُۥ ۗ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾﴾

Maksudnya: *Dan mereka berkata: "Kami tidak sekali-kali akan beriman kepadamu (wahai Muhammad), sehingga engkau memancarkan matair dari*

[12] Kesederhanaan dalam bahasa Arab ialah *al-Wasatiyyah*. Ianya bermaksud *al-Khairiyyah wa al-'Adlu* yang membawa maksud tepat, tidak melampau atau meremehkan.
[13] Abdullah Abd al-Rahman. *al-Syahadatan; Ma'nahuma wa Ma Tastalmizuhu kullu Minhuma*. Riyadh: Dar al-Taybah. 1991.

bumi, bagi Kami(90) Atau (sehingga) engkau mempunyai kebun dari pohon-pohon tamar dan anggur, kemudian engkau mengalirkan sungai-sungai dari celah-celahnya dengan aliran yang terpancar terus-menerus(91) Atau (sehingga) engkau gugurkan langit berkeping-keping atas kami, sebagaimana yang engkau katakan (akan berlaku); atau (sehingga) engkau bawakan Allah dan malaikat untuk kami menyaksikannya(92) Atau (sehingga) engkau mempunyai sebuah rumah terhias dari emas; atau (sehingga) engkau naik ke langit; dan kami tidak sekali-kali akan percaya tentang kenaikanmu ke langit sebelum engkau turunkan kepada kami sebuah kitab yang dapat kami membacanya". Katakanlah (wahai Rasulullah):" Maha Suci Tuhanku! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul?(93) [al-Isra': 90-93]

Selain itu, Allah SWT turut menceritakan perihal orang-orang musyrik yang mendustakan dan meremehkan Rasulullah SAW kerana mempunyai fitrah seperti manusia biasa. Hal ini sebagaimana firmanNya:

﴿وَقَالُواْ مَالِ هَٰذَا ٱلرَّسُولِ يَأۡكُلُ ٱلطَّعَامَ وَيَمۡشِي فِي ٱلۡأَسۡوَاقِۗ لَوۡلَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِ مَلَكٞ فَيَكُونَ مَعَهُۥ نَذِيرًا ٧﴾

Maksudnya: *Dan mereka pula berkata: "Mengapa Rasul ini makan minum dan berjalan di pasar-pasar (seperti manusia yang lain)? Sepatutnya diturunkan malaikat kepadanya, supaya malaikat itu turut memberi peringatan dan amaran bersama-sama dengannya (sebagai saksi yang membenarkannya)* [al-Furqan: 7]

Sebelum perutusan Rasulullah SAW, para nabi dan rasul terdahulu juga adalah dari kalangan manusia biasa yang telah diberikan wahyu. Mereka telah dicabar dan diremehkan oleh kaum masing-masing sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَقَالَ ٱلۡمَلَأُ مِن قَوۡمِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَكَذَّبُواْ بِلِقَآءِ ٱلۡأٓخِرَةِ وَأَتۡرَفۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ يَأۡكُلُ مِمَّا تَأۡكُلُونَ مِنۡهُ وَيَشۡرَبُ مِمَّا تَشۡرَبُونَ ٣٣ وَلَئِنۡ أَطَعۡتُم بَشَرٗا مِّثۡلَكُمۡ إِنَّكُمۡ إِذٗا لَّخَٰسِرُونَ ٣٤﴾

Maksudnya: *Dan (bagi menolak seruan itu), ketua-ketua dari kaumnya yang kafir serta mendustakan pertemuan hari akhirat, dan yang Kami mewahkan mereka dalam kehidupan dunia, berkata (sesama sendiri) "Orang ini hanyalah seorang manusia seperti kamu, ia makan dari apa yang kamu makan, dan meminum dari apa yang kamu minum(33) "Dan demi sesungguhnya, jika kamu*

taati manusia yang seperti kamu, tentulah kamu dengan membuat demikian, menjadi orang-orang yang rugi [al-Mu'minun: 33-34]

Bagi mengukuhkan hal ini, Rasulullah SAW juga menjelaskan bahawa baginda adalah manusia seperti orang lain. Sebagai manusia, baginda tidak terlepas dari fitrah kemanusiaan seperti makan, minum, berkeluarga, mempunyai sifat lupa dan sebagainya. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ، أَنْسَى كَمَا تَنْسَوْنَ، فَإِذَا نَسِيتُ فَذَكِّرُونِي،

Maksudnya: *Sesungguhnya aku adalah manusia biasa seperti kamu, aku juga terlupa sebagaimana kamu terlupa, apabila aku terlupa maka ingatkanlah aku...* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

2. Rasulullah SAW tidak mengetahui perkara ghaib kecuali perkara yang diwahyukan oleh Allah SWT kepadanya

Sebagai manusia, Rasulullah SAW tidak mengetahui perkara ghaib. Setiap perkara ghaib iaitu perkara akan berlaku pada masa depan yang disampaikan oleh baginda adalah wahyu dari Allah SWT. Firman Allah SWT:

﴿قُل لَّآ أَقُولُ لَكُمۡ عِندِي خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ وَلَآ أَقُولُ لَكُمۡ إِنِّي مَلَكٌۖ إِنۡ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّۚ قُلۡ هَلۡ يَسۡتَوِي ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُۚ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ٥٠﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah); "Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku, dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib; aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku". Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Tidakkah kamu mahu berfikir?"* [al-An'am: 50]

Sehubungan itu, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa baginda hanyalah penyampai wahyu dari Allah SWT yang tidak mengetahui apa yang akan berlaku terhadapnya apatah lagi terhadap orang lain sepertimana firman Allah SWT:

﴿قُلْ مَا كُنتُ بِدْعًا مِّنَ ٱلرُّسُلِ وَمَآ أَدْرِى مَا يُفْعَلُ بِى وَلَا بِكُمْ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ وَمَآ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ۝٩﴾

Maksudnya: *Katakanlah lagi: "Bukanlah aku seorang Rasul pembawa ugama yang berlainan dari ugama yang dibawa oleh Rasul-rasul (yang telah lalu), dan aku tidak mengetahui apa yang akan dilakukan kepadaku dan kepada kamu. Aku tidak melakukan sesuatu melainkan menurut apa yang diwahyukan kepadaku, dan aku tidak lain hanyalah seorang Rasul pemberi amaran yang jelas nyata."* [al-Ahqaf: 9]

Hal yang demikian juga ditegaskan oleh Rasulullah SAW bahawa andainya baginda mengetahui perkara ghaib sudah pasti tidak berlaku perkara buruk pada masa akan datang terhadapnya sepertimana dijelaskan dalam firman Allah SWT:

﴿قُل لَّآ أَمْلِكُ لِنَفْسِى نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَلَوْ كُنتُ أَعْلَمُ ٱلْغَيْبَ لَٱسْتَكْثَرْتُ مِنَ ٱلْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِىَ ٱلسُّوٓءُ ۚ إِنْ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ۝١٨٨﴾

Maksudnya: *Katakanlah: "Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman."* [al-A'raf: 188]

Justeru, hanya Allah SWT mengetahui segala perkara ghaib. Namun, Allah SWT tetap memberitahu tentang beberapa perkara ghaib kepada rasulNya. Hal ini adalah sebagai mukjizat yang dikurniakanNya kepada mereka bagi membuktikan kerasulan dan kebenaran dakwah mereka. Allah SWT berfirman:

﴿عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ۝٢٦ إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُۥ يَسْلُكُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ رَصَدًا ۝٢٧﴾

Maksudnya: *"Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuiNya itu kepada*

sesiapapun,(26) "Melainkan kepada mana-mana Rasul yang di redaiNya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka Ia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan)(27) [al-Jinn: 26-27]

Oleh itu, nyatalah bahawa hal-hal ghaib tidak diketahui oleh setiap makhluk termasuklah Rasulullah SAW[14] apatah lagi manusia biasa. Hal ini menyangkal dakwaan pihak tertentu yang mendakwa mengetahui perkara ghaib. Firman Allah SWT:

﴿قُل لَّا يَعۡلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ ٱلۡغَيۡبَ إِلَّا ٱللَّهُۚ وَمَا يَشۡعُرُونَ أَيَّانَ يُبۡعَثُونَ ٦٥﴾


Maksudnya: *Katakanlah lagi: Tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati)* [al-Naml: 65]

[14] Antara perkara ghaib yang tidak diberitahu oleh Allah SWT kepada sesiapa pun dalam kalangan makhlukNya termasuklah para malaikat dan nabi adalah seperti yang terdapat dalam firmanNya:

﴿إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥ عِلۡمُ ٱلسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ ٱلۡغَيۡثَۖ وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلۡأَرۡحَامِۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسٞ مَّاذَا تَكۡسِبُ غَدٗاۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسُۢ بِأَيِّ أَرۡضٖ تَمُوتُۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ٣٤﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dia lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi PengetahuanNya* [Luqman: 34]

MINGGU 10





3. Rasulullah SAW tidak dapat memberi manfaat dan menolak mudarat kepada dirinya sendiri mahupun terhadap orang lain

Rasulullah SAW menjelaskan bahawa baginda tidak dapat memberi manfaat dan mudarat meskipun terhadap dirinya sendiri kecuali Allah SWT tetapkan kepadanya. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

﴿قُل لَّآ أَمۡلِكُ لِنَفۡسِي نَفۡعٗا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُۚ وَلَوۡ كُنتُ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ لَٱسۡتَكۡثَرۡتُ مِنَ ٱلۡخَيۡرِ وَمَا مَسَّنِيَ ٱلسُّوٓءُۚ إِنۡ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٞ وَبَشِيرٞ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ١٨٨﴾

Maksudnya: *Katakanlah: "Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman."* [al-A'raf: 188]

Oleh kerana itu, Allah SWT meminta kepada Rasulullah SAW supaya memberi penegasan bahawa yang memberi kebaikan dan menghindarkan keburukan adalah Allah SWT semata-mata. Ianya tidak dapat dilakukan oleh sesiapa pun tanpa izin dariNya. Firman Allah SWT:

﴿قُلۡ إِنِّي لَآ أَمۡلِكُ لَكُمۡ ضَرّٗا وَلَا رَشَدٗا ٢١﴾

Maksudnya: *Katakanlah lagi; "Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sebarang mudarat dan tidak juga berkuasa mendatangkan sebarang kebaikan bagi kamu* [al-Jinn: 21]

Semua manusia termasuk para nabi dan rasul adalah makhluk Allah SWT yang dimiliki olehNya. Maka sudah tentu mereka tidak dapat menentukan nasib baik dan buruk mereka sendiri. Begitu juga dengan sembahan orang musyrik yang tidak dapat mengurniakan manfaat bahkan menolak kemudaratan kepada mereka walaupun sedikit sebagaimana firmanNya:

﴿قُلِ ٱدۡعُواْ ٱلَّذِينَ زَعَمۡتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ **لَا يَمۡلِكُونَ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ** وَمَا لَهُمۡ فِيهِمَا مِن شِرۡكٖ وَمَا لَهُۥ مِنۡهُم مِّن ظَهِيرٖ ٢٢﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah kepada kaum musyrik): "Serukanlah makhluk-makhluk yang kamu dakwakan sebagai tuhan selain dari Allah;* ***mereka tidak memiliki kuasa seberat debu pun di langit dan di bumi****, dan mereka tiada sebarang bahagian perkongsian (dengan Allah) dalam (mencipta dan mentadbirkan) langit dan bumi, dan Allah pula tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka"* [Saba': 22]

4. Tidak mensifatkan Rasulullah SAW lebih dari yang diberikan oleh Allah SWT

Allah SWT memberi peringatan kepada hambaNya supaya tidak melampau di dalam semua perkara termasuklah meletakkan Rasulullah SAW lebih dari kadar yang ditetapkanNya. Hal ini sebagaimana teguran Allah SWT kepada golongan Ahli Kitab sepertimana firmannya:

﴿قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَا تَغۡلُواْ فِي دِينِكُمۡ غَيۡرَ ٱلۡحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوٓاْ أَهۡوَآءَ قَوۡمٖ قَدۡ ضَلُّواْ مِن قَبۡلُ وَأَضَلُّواْ كَثِيرٗا وَضَلُّواْ عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ ٧٧﴾

Maksudnya: *Katakanlah: "Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampau dalam ugama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan*

banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul" [al-Maidah: 77]

Perbuatan melampau terhadap Rasulullah SAW seperti terlalu memuji dan memujanya sehingga sampai kepada peringkat menyamakan baginda dengan kedudukan Allah SWT.[15] Rasulullah SAW sendiri melarang umatnya dari melakukan perbuatan yang melampau terhadap dirinya seperti sabdanya:

وَإِيَّاكُمْ وَالْغُلُوَّ فِي الدِّينِ فَإِنَّمَا أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمُ الْغُلُوُّ فِي الدِّينِ

Maksudnya: *Janganlah kamu melakukan perbuatan melampau dalam agama, sesungguhnya orang sebelum kamu telah binasa dengan sebab mereka telah melampau dalam agama.* (Riwayat Nasa'ie, No. 3057)

Sehubungan itu, Rasulullah SAW menegaskan lagi larangan melampau terhadap baginda. Hal ini kerana baginda bimbang berlakunya penyelewengan sebagaimana yang telah berlaku kepada Nabi 'Isa AS. Rasulullah SAW bersabda:

" لاَ تُطْرُونِي كَمَا أَطْرَتِ النَّصَارَى ابْنَ مَرْيَمَ، فَإِنَّمَا أَنَا عَبْدُهُ، فَقُولُوا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ ".

Maksudnya: *Janganlah kamu mengagungkan aku (melampau terhadapku) sebagaimana orang-orang kristian mengagungkan Isa anak Maryam. Sesungguhnya aku adalah hamba Allah maka hendaklah kamu menyebut aku hamba Allah dan rasulNya.* (Riwayat Bukhari, No. 3445)

5. Kewafatan Rasulullah SAW seperti wafatnya para nabi terdahulu

Kematian adalah lumrah dalam kehidupan manusia dan setiap makhluk yang bernyawa. Hal ini kerana tidak ada mana-mana manusia pun yang hidup kekal dan tidak mati. Firman Allah SWT:

[15] Hal ini seperti beriktikad bahawa Rasulullah SAW mempunyai keistimewaan mencipta, mentadbir, mengurus, membawa kebaikan, menghalang keburukan dan mengetahui setiap perkara.

﴿وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِّن قَبْلِكَ ٱلْخُلْدَ ۖ أَفَإِيْن مِّتَّ فَهُمُ ٱلْخَٰلِدُونَ ﴿٣٤﴾ كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾﴾

Maksudnya: *Dan Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelummu dapat hidup kekal (di dunia ini). Maka kalau engkau meninggal dunia (wahai Rasulullah), adakah mereka akan hidup selama-lamanya?(34)Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan(35)* [al-Anbiya': 34-35]

Rasulullah SAW adalah manusia yang wafat apabila tiba ajal yang telah ditentukan Allah SWT. Hal ini sama seperti para nabi dan rasul sebelumnya yang telah wafat sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ۚ أَفَإِيْن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ ۚ وَمَن يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ وَسَيَجْزِى ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾﴾

Maksudnya: *Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)? Dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu)* [Ali 'Imran: 144]

Ketika peristiwa kewafatan Rasulullah SAW, terdapat para sahabat yang tidak mempercayai bahawa baginda telah wafat. Saidina Abu Bakar al-Siddiq pada waktu tersebut telah melihat jenazah Rasulullah SAW dan beliau mengambil tanggungjawab mengesahkan hal tersebut dengan menyampaikan ucapannya kepada khalayak dengan berkata:

مَنْ كَانَ مِنْكُمْ يَعْبُدُ مُحَمَّدًا صلى الله عليه وسلم فَإِنَّ مُحَمَّدًا قَدْ مَاتَ، وَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ يَعْبُدُ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ حَيٌّ لاَ يَمُوتُ،

Maksudnya: *Sesiapa dari kalangan kamu yang menyembah Muhammad SAW, sesungguhnya Muhammad telah meninggal dunia, sesiapa dari*

kalangan kamu menyembah Allah, sesungguhnya Allah Maha Hidup dan tidak akan mati. (Riwayat Bukhari, No. 4452)

Oleh yang demikian, setiap muslim perlu mencintai dan mentaati Rasulullah SAW sepenuh hati dan jiwa dengan melaksanakan titah perintahnya, mencontohi perbuatan, kata-kata serta perjalanan hidup baginda SAW dan dalam masa yang sama bersikap sederhana dalam keimanan terhadap baginda SAW.

مودول كفهمن اسلام

Modul KEFAHAMAN ISLAM

DUA KALIMAH SYAHADAH:
MEMAHAMI
مُحَمَّدٌ رَسُولُ ٱللَّه



IMBAS QR DIBAWAH !

Tingkat Bawah Blok Dewan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.
Tel: 09-747 0919 | Faks: 09-747 1045 | Emel: iptg.kel@gmail.com